UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

# PANDUAN PERPUSTAKAAN

## SESI 2017-2018



**KANDUNGAN**


**KATA ALU-ALUAN KETUA PUSTAKAWAN** 4
**PENGENALAN** 5
**VISI, MISI, DASAR KUALITI DAN PIAGAM PELANGGAN** 6
**KATALOG PERPUSTAKAAN** 7
**PETUNJUK LOKASI** 7
**TATATERTIB PERPUSTAKAAN** 8
**PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG** 9
Pengenalan 10
Waktu Pembukaan 10
Keahlian Perpustakaan 11

**PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**
Pinjaman 13
Pemulangan Bahan 13
Kelayakan Pinjaman 14
Pembaharuan Pinjaman Secara Dalam Talian 14
Tempahan 14
Denda 15
Sistem Pembekalan Penerbitan 15
Perkhidmatan Rujukan Dan Khidmat Nasihat 15
Perkhidmatan Pencarian Maklumat Elektronik 15
- Katalog Awam Dalam Talian 15
- Tapak Web 15
- Repositori Pembelajaran & Penyelidikan 16
- Pangkalan Data Dalam Talian 16
- Portal e-Jurnal 16
- Sistem e-Rep 16
- Internet 17

Perkhidmatan Bimbingan dan Pendidikan Pelanggan 17
Perkhidmatan Pakej Maklumat 17
Perkhidmatan *Pay Per View* 17
Perkhidmatan Media 17
Penerbitan Perpustakaan 18
Pameran 18
Laman Web Perpustakaan 18
Perkhidmatan Pelajar Istimewa 18
*Door To Door* 18
*Drive Thru @ PTSL* 18

**KOLEKSI PERPUSTAKAAN**
Koleksi Am 18
Koleksi Arab dan Tamadun Islam 19
Koleksi Asia Tenggara 19
Koleksi Dokumen 19
Koleksi Arkib UKM 19
Koleksi Khas 19
Koleksi Rujukan 19
Koleksi Tanda Merah 20
Koleksi Haram 20
Koleksi Sudut Bacaan Ringan 20
Koleksi Buku Folio 20
Koleksi Jurnal 20

Koleksi Media 20
Koleksi Pilih Simpan 21

Pengkelasan Bahan Perpustakaan 21
Nombor Panggilan 22

**KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN**
Ruang Bacaan 22
Zon Senyap 22
Bilik Serbaguna/ Seminar 22
Bilik Karel 22
Bilik Diskusi 22
Salinan Bahan Mikro 23
siber@ptsl 23
Ruang Baca 24 jam 23
Anjung Ilmu PTSL 23
Lokar 23
Mesin Pinjaman Layan Diri 23
Mesin Pemulangan Layan Diri 23
Makmal Latihan 23
Bilik Sanggar Ilmu 23
Bilik Pelajar Istimewa 23
Surau 24
Air Minuman 24
*Vending Machine* 24
Ruang Wi-Fi 24
Sewa Kunci Laptop 24
Kafe 24

**PERPUSTAKAAN-PERPUSTAKAAN CABANG**
Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu 25
Perpustakaan Undang-Undang 31
Perpustakaan Dr. Abdul Latiff 38
Perpustakaan HCTM 50
Perpustakaan Lingkungan Kedua 57
Perpustakaan Praklinikal 63

Direktori Aras Perpustakaan Tun Seri Lanang 67
Jawatankuasa Penerbitan Buku Panduan Perpustakaan 2016-2017 69

## KATA ALU-ALUAN KETUA PUSTAKAWAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah kepada saudara-saudari yang berjaya menjadi warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) : Pendaulat Amanah Negara dan sekaligus menjadi ahli Perpustakaan UKM. Gedung ilmu Perpustakaan UKM terdiri daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang di Kampus Bangi, Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu serta Perpustakaan Lingkungan Kedua yang juga di Kampus Bangi, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff di Kampus Kuala Lumpur dan Perpustakaan Pusat Hospital Canselor Tuanku Muhriz (PHCTM), PPUKM dan Perpustakaan Praklinikal di Kampus Cheras, Kuala Lumpur menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan bagi keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan.

Saudara-saudari mempunyai peluang keemasan untuk mengakses sumber maklumat dan ilmu di perpustakaan antara yang terbesar dan berwibawa di Malaysia, dalam pelbagai bidang disiplin pengajian, dalam pelbagai bentuk, dari manuskrip hinggalah kepada bentuk digital seperti pangkalan data dalam talian yang memberi akses kepada lebih 26,869 judul e-jurnal dan 59,530 judul e-buku.

Di samping itu, Perpustakaan UKM juga menyediakan pelbagai kemudahan termasuk ruang membaca dan membuat rujukan yang kondusif, bilik-bilik perbincangan, kemudahan-kemudahan komputer, WiFi, khidmat nasihat dan sebagainya. Perkhidmatan dan kemudahan ini disediakan khusus untuk memberi saudara-saudari peluang belajar yang selesa di UKM dan tentunya menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan pada satu hari nanti.

Sebagai sebuah perpustakaan akademik yang berwibawa, kami beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Kepuasan pelanggan adalah matlamat kami dan “Perpustakaan Pemangkin Masyarakat Berilmu” adalah slogan kami.

Ketua Pustakawan

**PENGENALAN**

Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ditubuhkan serentak dengan penubuhan UKM pada tahun 1970 di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Perpustakaan Tun Seri Lanang merupakan perpustakaan induk terletak di kampus utama Bangi dan kemudahan-kemudahan perpustakaan juga disediakan di enam perpustakaan cabang yang terdiri daripada Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (Bangi), Perpustakaan Undang-Undang (Bangi), Perpustakaan Dr. Abdul Latiff (Kuala Lumpur), Perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz(Cheras), Perpustakaan Lingkungan Kedua (Bangi) dan Perpustakaan Praklinikal (Cheras).

Perpustakaan Tun Seri Lanang mempunyai keluasan lantai 240,000 kaki persegi, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu 7,085 kaki persegi, Perpustakaan Undang-Undang 24,600 kaki persegi, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff 40,000 kaki persegi, Perpustakaan PPUKM 20,000 kaki persegi, Perpustakaan Lingkungan Kedua 51,075 kaki persegi dan Perpustakaan Praklinikal 10,000 kaki persegi.

Koleksi Perpustakaan UKM sehingga 31 Disember 2016 adalah **3,731,810** naskhah bahan yang terdiri daripada buku, majalah berjilid, bahan media, e-buku dan e-jurnal. Daripada jumlah ini 864,382 naskhah adalah buku dan majalah berjilid di Perpustakaan Tun Seri Lanang, 59,502 naskhah di Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, 100,408 naskhah di Perpustakaan Undang-Undang, 141,679 naskhah di Perpustakaan Dr. Abdul Latiff, 93,161 naskhah di Perpustakaan PHCTM, 36,182 naskhah di Perpustakaan Lingkungan Kedua dan 3,795 naskhah di Pepustakaan Praklinikal. Jumlah keseluruhan bahan media ialah sebanyak 407,545 salinan. Manakala e-buku berjumlah sebanyak 59,530 judul dan e-jurnal sebanyak 26,869 judul.

Perpustakaan UKM mula menggunakan Sistem Komputer Perpustakaan Bersepadu DOBIS/LIBIS mulai tahun 1991 dan pada pertengahan tahun 1999, Perpustakaan UKM berhijrah ke Sistem Perpustakaan Bersepadu VIRTUA. Mulai Januari 2003, sistem Koleksi Digital UKM yang menggunakan perisian Content Manager mula digunakan bagi pengindeksan dan pembinaan pangkalan data berteks penuh. Kini sistem Koleksi Digital UKM telah dinaiktaraf kepada sistem Vital dan dinamakan Repositori Pembelajaran dan Penyelidikan.

## VISI, MISI, DASAR KUALITI, OBJEKTIF DAN PIAGAM PELANGGAN

### Visi
Perpustakaan Bertekad Menjadi Pemangkin Masyarakat Berilmu

### Misi
Meningkatkan budaya ilmu dan usaha memartabatkan Bahasa Melayu serta menggalakkan cetusan ilmu baharu.

### Objektif
- Membangun dan mengurus sumber maklumat untuk memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti.
- Memberikan perkhidmatan maklumat yang menepati keperluan pelanggan.
- Meningkatkan koleksi bahan dalam Bahasa Melayu.
- Menyediakan prasarana dan persekitaran ilmu bersesuaian dengan perkembangan teknologi.
- Menjadi institusi repositori ilmu universiti.

### Moto
Perpustakaan Pemangkin Masyarakat Berilmu

### Piagam Pelanggan
1. Memberi maklum balas tindakan kepada aduan pelanggan dalam tempoh 14 hari.

2. Mengurus sumber maklumat dalam tempoh masa yang ditetapkan
   i. Perolehan bahan dalam masa 18 hari.
   ii. Pengkatalogan bahan dalam masa 25 hari.
   iii. Penyusunan buku baharu dalam masa tiga (3) hari

3. Memberikan perkhidmatan maklumat dalam masa yang ditetapkan:
   i. Pinjaman dan pemulangan bahan dalam masa dua (2) minit.
   ii. Maklum balas permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) dalam masa tiga (3) hari.
   iii. Pakej Maklumat dalam masa 10 hari.
   iv. Rujukan cepat dalam masa lima (5) minit.

4. Memperolehi bahan dalam Bahasa Melayu sebanyak 3% daripada keseluruhan jumlah perolehan setahun.

**KATALOG PERPUSTAKAAN**

Katalog Perpustakaan UKM adalah rekod asas yang memberi maklumat lengkap mengenai bahan-bahan yang ada di Perpustakaan Tun Seri Lanang dan perpustakaan-perpustakaan cabang. GEMILANG ialah nama yang diberi bagi Katalog Awam Dalam Talian Perpustakaan UKM, iaitu singkatan daripada GEDUNG MAKLUMAT ILMU TUN SERI LANANG. Maklumat bibliografi sesuatu bahan boleh diperoleh dengan menyemak katalog melalui :

- Pengarang, penyunting dll.
- Judul
- Perkara/Subjek
- Penerbit
- Nombor Panggilan

Komputer untuk menyemak katalog perpustakaan diletakkan di setiap aras perpustakaan. Untuk mendapatkan bahan, pelanggan perlu mencatat nombor panggilan serta petunjuk lokasi bahan dengan tepat, kerana nombor panggilan menunjukkan penempatan dan susunan bahan di rak. Komputer ini dikhaskan untuk pelanggan mencari maklumat bahan perpustakaan. Pelanggan dilarang menggunakannya untuk tujuan lain. Katalog ini boleh dicapati melalui internet di alamat: ***http://gemilang.ukm.my***

Perpustakaan juga mempunyai perkhidmatan digital yang dibangunkan sendiri. Perkhidmatan digital menyimpan bahan seperti buku, tesis, kertas seminar, laporan penyelidikan, keratan akhbar dan sebagainya. Kata pengenalan (ID) dan kata laluan diperlukan untuk mengakses teks penuh. Perkhidmatan digital boleh dicapai melalui internet di alamat: **http://ptsldigital.ukm.my**

**PETUNJUK LOKASI**

Perpustakaan menggunakan awalan sebelum nombor kelas bagi menunjukkan jenis koleksi dan penempatannya seperti :

| | |
|---|---|
| 2 | Perpustakaan Undang-Undang |
| 3 | Kejuruteraan |
| 8 | Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu |
| 9 | Perpustakaan Dr. Abdul Latiff |
| 41 | Buku Koleksi Schacht (Koleksi Khas) |
| 42 | Buku Nadir (Koleksi Khas) |
| 43 | Buku Cina Peranakan (Koleksi Khas) |
| 49 | Koleksi Haram |
| arkib | Koleksi Arkib UKM |
| e-ReP | Koleksi Bahan Penerbitan Warga UKM |
| PPPUKM | Perpustakaan Pusat Perubatan UKM |
| kat | Koleksi Asia Tenggara |
| ki | Koleksi Arab dan Tamadun Islam |
| media | Koleksi Bahan Media |
| pasca | Koleksi Pasca Siswazah dan IKON |
| ruj | Koleksi Rujukan |
| sem | Koleksi Kertas Kerja Seminar |
| siri | Koleksi Terbitan Bersiri/Jurnal |
| sbr | Koleksi Sudut Bacaan Ringan |
| tesis | Koleksi Tesis Sarjana dan Doktor Falsafah |
| M | Koleksi Dokumen |
| MK | Koleksi Dokumen Kerajaan Malaysia |
| zz | Koleksi Abstrak, Indeks dan Bibliografi |
| tm | Koleksi Tanda Merah |

**Perpustakaan**

| | |
|---|---|
| PTSL | Perpustakaan Tun Seri Lanang |
| IKMAS | Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Rujukan Sahaja) |
| PATMA | Perpustakaan ATMA (Institut Alam dan Tamadun Melayu) |
| PHCTM | Perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz |
| PDAL | Perpustakaan Dr. Abdul Latiff, Kampus Kuala Lumpur |
| PUU | Perpustakaan Undang-Undang |
| PL2 | Perpustakaan Lingkungan Kedua |
| Praklinikal | Perpustakaan Praklinikal |

**TATATERTIB PERPUSTAKAAN**

1. Pelanggan diwajibkan memakai kad kampus/pelawat semasa masuk dan berada dalam perpustakaan.
2. Pelanggan hendaklah berkelakuan baik dan berpakaian kemas semasa berada di perpustakaan, sesuai dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
3. Pelanggan diwajibkan mematuhi Peraturan Pakaian dan Kemasan Diri Pelajar.
4. Semasa berada di perpustakaan, pelanggan dilarang :
    - Menconteng/mengoyak/merosakkan/membawa keluar buku, jurnal dan bahan perpustakaan tanpa kebenaran.
    - Merosakkan peralatan/bahan media.
    - Membawa makanan ke dalam perpustakaan.
    - Merokok dan makan.
    - Berbual dan mengganggu ketenteraman orang lain.
    - Memindahkan buku/bahan perpustakaan dari satu aras/koleksi ke aras/koleksi yang lain.
    - Menyepahkan/ meninggalkan buku di atas meja/rak.
    - Mengalih/menyalahgunakan/merosakkan perabot.
    - Membuang sampah merata-merata.
    - Memakai selipar semasa masuk dan berada di perpustakaan.
    - Menyepah bekas-bekas minuman dan sampah di Ruang Baca 24 Jam dan dalam perpustakaan.
    - Berkelakuan sumbang atau salah laku dalam perpustakaan.
    - Menyalahguna pangkalan data komersial dan kemudahan Internet.
    - Menggunakan telefon bimbit di kawasan ruang baca, rak buku, katalog GEMILANG, ruang Sudut Bacaan Ringan dan Kaunter Pinjaman. Denda RM10.00 akan dikenakan.
5. Pelanggan dikehendaki meletakkan buku yang telah digunakan di Rak Sementara.
6. Pelanggan yang membuat salinan foto adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan AKTA HAK CIPTA.
7. Pelanggan tidak dibenarkan meminjam bahan/buku dengan menggunakan kad pelanggan lain. Pelanggan juga tidak dibenarkan membawa keluar buku perpustakaan yang dipinjam oleh pelanggan lain. Bahan/buku berkenaan akan ditahan sehingga bahan/buku tersebut dituntut oleh peminjam asal.
8. Kanak-kanak tidak dibenarkan masuk di ruang baca/koleksi perpustakaan.
9. Tempahan tempat duduk tidak dibenarkan.
10. Pelanggan perpustakaan bertanggungjawab pada barang-barang peribadi yang dibawa masuk ke perpustakaan. Perpustakaan tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang tersebut.
11. Kakitangan akademik yang cuti belajar/sabatikal ke luar negara WAJIB memulangkan bahan yang dipinjam dari perpustakaan.
12. Pelajar yang menangguh dan ditamatkan pengajian WAJIB memulangkan bahan yang dipinjam dari perpustakaan.
13. Pelajar yang telah tamat pengajian dan masih berhutang dengan perpustakaan tidak dibenarkan mengambil sijil dan transkrip dari Pusat Pengurusan Akademik.
14. Kakitangan perpustakaan dibenarkan memeriksa beg yang dibawa masuk dan keluar oleh pelanggan perpustakaan terutamanya ketika pagar keselamatan berbunyi.



# PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG

**PENGENALAN**

Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dibuka dengan rasminya pada 2 Julai 1980 oleh DYMM Almarhum Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Canselor ke-2 UKM. PTSL menyediakan keperluan bahan dan maklumat bagi kegiatan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan untuk fakulti/pusat/institut yang terdapat di kampus Bangi.

**WAKTU PEMBUKAAN**

| | |
|---|---|
| **Semasa Semester** | |
| Isnin – Jumaat | 8.00 pagi – 10.30 malam |
| Sabtu | 10.00 pagi – 5.00 petang |
| Ahad | 10.00 pagi – 5.00 petang |
| Sabtu Pertama | **TUTUP** |
| **Cuti Semester** | |
| Isnin – Khamis | 8.00 pagi – 7.00 malam |
| Jumaat | 8.00 pagi – 12.15 tengahari<br>2.45 petang – 7.00 malam |
| Ahad | 10.00 pagi – 5.00 petang |
| Setiap Sabtu | **TUTUP** |
| **Waktu Pinjaman/ Pemulangan Bahan Am dan Tanda Merah di Kaunter** | |
| **Semasa Semester** | |
| Isnin – Khamis | 8.30 pagi – 9.45 malam |
| Jumaat | 8.30 pagi – 12.00 tengahari<br>2.45 petang – 9.45 malam |
| Sabtu | 10.30 pagi – 4.00 petang |
| Ahad | 10.30 pagi – 4.00 petang |
| **Cuti Semester** | |
| Isnin – Khamis | 8.30 pagi – 6.00 petang |
| Jumaat | 8.30 pagi – 12.00 tengahari<br>2.45 petang – 6.00 petang |
| Ahad | 10.30 pagi – 4.00 petang |

*Mulai dua minggu sebelum minggu peperiksaan, perpustakaan akan dibuka sehingga jam 11.00 malam termasuk pada hari Sabtu dan Ahad. Perpustakaan akan ditutup pada hari kelepasan am negeri Selangor dan Malaysia.*

**KEAHLIAN PERPUSTAKAAN**

Terbahagi kepada dua kategori iaitu :

- Keahlian pelajar dan kakitangan UKM
- Keahlian luar Perpustakaan UKM

**KEAHLIAN PELAJAR DAN KAKITANGAN UKM**

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | |
|---|---|---|---|
| | | SEPENUH MASA | |
| | | RUJUKAN | PINJAMAN |
| 1. | Pelajar Prasiswazah (Warganegara) | PERCUMA | 50.00 |
| 2. | Pelajar Prasiswazah (Bukan Warganegara) | PERCUMA | 70.00 |
| 3. | Pelajar Pascasiswazah (Sarjana & Phd) (Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan | PERCUMA | 150.00<br>75.00 (SEPARUH MASA) |
| 4. | Pelajar Pascasiswah (Sarjana & Phd) (Bukan Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan | PERCUMA | 200.00<br>100.00 (SEPARUH MASA) |
| 5. | Ahli Akademik (termasuk Ahli Akademik Kontrak) | PERCUMA | 50.00 – 70.00 |
| 6. | Ahli Akademik/ Tutor/ Felo* (Sambilan/ Pelawat) | PERCUMA | 75.00 – 200.00 |
| 7. | Pegawai Universiti | PERCUMA | PERCUMA |
| 8. | Kakitangan Sokongan | PERCUMA | PERCUMA |
| 9. | Permata Pintar | PERCUMA | PERCUMA |
| 10. | Asasi Pintar | PERCUMA | 100.00 |

** Mesti sertakan surat pengesahan/ lantikan Universiti/ Jabatan*

**KEAHLIAN LUAR PERPUSTAKAAN**

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | | Kemudahan |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 1. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam/ Swasta* (Ahli PERPUN) | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 2. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT/ Swasta * (bukan Ahli PERPUN) | 100.00 | 200.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 3. | Pelajar Luar Negara* | 200.00 | 400.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 4. | Kakitangan Kerajaan* | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 5. | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | 2,000.00 | 4,000.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 6. | Pesara UKM | PERCUMA | PERCUMA | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 7. | Keahlian Kehormat – Sumbangan RM6,000.00 (staf UKM) atau sumbangan RM10,000.00 (pihak luar) atau sumbangan 500 naskah buku | PERCUMA | PERCUMA | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 25 buah buku (60 hari) |
| 8. | ALUMNI | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 9. | Orang Perseorangan | 200.00 | 400.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 10. | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | PERCUMA | 10.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | | Kemudahan |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 11. | Ahli Harian | RM20.00 | Tidak ditawarkan | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl. |
| 12. | Pelajar Sekolah Menengah | Membawa surat kebenaran daripada pihak sekolah | Tidak ditawarkan | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl. |

**Sila bawa kad matrik/surat pengesahan/pengenalan diri daripada perpustakaan/jabatan/institusi masing-masing.*

## PENDAFTARAN KEAHLIAN

1. Urusan pendaftaran boleh dibuat di Pejabat Am, Unit Perkhidmatan Pelanggan pada waktu pejabat.
2. Pemohon diminta mengisi borang permohonan dan sertakan dua keping gambar berukuran passport.
3. Pemohon juga diminta membawa surat pengesahan dari institusi masing-masing semasa membuat pendaftaran.
4. Semua keahlian tidak boleh ditukar milik.
5. Kehilangan kad keahlian hendaklah dilaporkan ke Pejabat Am, Unit Perkhidmatan Pelanggan. Kad baharu akan dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari dengan bayaran RM10.00

## PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Dalam usaha perpustakaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, berbagai perkhidmatan telah disediakan untuk kemudahan pelanggan. Di antaranya adalah seperti berikut:

### Pinjaman

Semua pelanggan yang telah mendaftar menjadi ahli perpustakaan layak meminjam bahan dari Koleksi Am, Koleksi Arab dan Tamadun Islam dan Koleksi Tanda Merah mengikut kategori masing-masing. Pelanggan juga boleh membuat rujukan di Koleksi Asia Tenggara, Koleksi Dokumen, Koleksi Jurnal dan Koleksi Media serta menggunakan kemudahan yang disediakan di siber@ptsl. Pelanggan diminta menunjukkan kad kampus/ kad ahli kepada kakitangan bertugas setiap kali mereka ingin meminjam bahan atau menggunakan kemudahan yang disediakan. Pelanggan juga boleh meminjam buku melalui Mesin Pinjaman Layan Diri.

### Pemulangan Bahan

Bahan yang dipinjam mesti dipulangkan pada atau sebelum tarikh pemulangan yang ditetapkan. Pelanggan boleh memulangkan buku di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Aras 4. Pelanggan digalakkan mengguna Mesin Pemulangan Layan Diri.

## KELAYAKAN PINJAMAN

### Pelajar dan Kakitangan UKM

| Bil | Kategori | Kemudahan Pinjaman / Had Pinjaman/ Masa | |
|---|---|---|---|
| | | Koleksi Am | Koleksi Tanda Merah (TM) |
| 1. | Pelajar Prasiswazah | 7 buah/ 14 hari | 1 buah/ 3 hari |
| 2. | Pelajar Pascasiswazah | 20 buah/ 40 hari | 1 buah/ 7 hari |
| 3. | Ahli Akademik (termasuk Ahli Akademik Kontrak) | 25 buah/ 60 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 4. | Ahli Akademik/ Tutor/ Felo (Sambilan/ Pelawat) | 10 buah/ 30 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 5. | Pegawai Universiti | 25 buah/ 60 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 6. | Kakitangan Sokongan | 5 buah/ 14 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 7. | Pelajar Prasiswazah dari Pusat Kembangan Pendidikan | 5 buah/ 30 hari | 1 buah/ 3 hari |
| 8. | Pelajar Pascasiswazah dari Pusat Kembangan Pendidikan | 15 buah/ 30 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 9. | Keahlian Kehormat – sumbangan RM6,000.00 (staf UKM) atau sumbangan RM10,000.00 (pihak luar) atau sumbangan 500 naskah buku | 25 buah/ 60 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 10. | Permata Pintar | 3 buah/ 14 hari | 1 buah/ 3 hari |
| 12. | Asasi Pintar | 5 buah/14 hari | 1 buah/ 3 hari |

### Ahli Luar Perpustakaan UKM

| Bil | Kategori | Kemudahan Pinjaman / Had Pinjaman/ Masa | |
|---|---|---|---|
| | | Koleksi Am | Koleksi Tanda Merah (TM) |
| 1. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 2. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Swasta | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 3. | Pelajar Luar Negara | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 4. | Kakitangan Kerajaan | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 5. | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 6. | Orang Perseorangan | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 7. | Pesara UKM | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 8. | ALUMNI UKM | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 9. | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |

*Nota : Pelajar Sekolah Menengah dibenarkan masuk ke perpustakaan dengan membawa surat kebenaran daripada pihak sekolah.*

### Pembaharuan Pinjaman Secara Dalam Talian

Pelanggan boleh memperbaharui pinjaman dalam talian melalui GEMILANG dengan syarat seperti berikut:

- Pembaharuan hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh pinjaman.
- Had maksima yang dibenarkan untuk memperbaharui pinjaman secara dalam talian ialah sebanyak tiga (3) kali.
- Tidak mempunyai denda yang belum dibayar.
- Tiada buku yang tamat tempoh dalam rekod pinjaman.
- Bahan tidak ditempah oleh pelanggan lain.

### Tempahan

Tempahan buku yang sedang dipinjam boleh dibuat melalui GEMILANG. Penempah hendaklah menyemak rekod pelanggan dari masa ke semasa untuk mengetahui status bahan yang ditempah. Jika status bahan "*pending*" telah bertukar ke "*pickup*", bahan tersebut boleh di ambil di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Aras 4. Selepas buku dipulangkan oleh peminjam, penempah diberi tempoh tujuh (7) hari untuk mengambil bahan tersebut bagi tujuan pinjaman.

**Denda Lewat Memulangkan Buku**
Kadar denda bagi sebuah buku adalah seperti berikut :

- Koleksi Am RM0.30 sehari
- Koleksi Tanda Merah RM3.00 sehari
  *Denda yang dikira tidak termasuk hari cuti (perpustakaan ditutup)*

**Denda Menghilangkan Buku**
Denda akan dikenakan seperti berikut :

- Menggantikan buku yang sama atau edisi terbaharu berserta wang proses RM100.00 **ATAU** mengganti buku yang sama subjek dan wang proses RM100.00 **ATAU** membayar harga buku berkenaan (harga semasa) dan wang proses RM100.00.

**Sistem Pembekalan Penerbitan**
Perkhidmatan ini diberikan kepada kakitangan akademik/ ikhtisas/ pentadbiran, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah tahun akhir. Melalui perkhidmatan ini, pemohon boleh meminjam bahan asal atau memperoleh bahan salinan yang tidak terdapat di perpustakaan. Permohonan dibuat melalui sistem iQuest yang dapat diakses melalui laman web perpustakaan atau menerusi alamat ***http://www.iquest.net.my*.** Permohonan akan dihantar ke institusi dalam atau luar negara.

**Perkhidmatan Rujukan dan Khidmat Nasihat**
Perkhidmatan ini disediakan di Meja Penasihat Pembaca di Aras 4 untuk membantu pelanggan menggunakan perpustakaan secara lebih berkesan, mengatasi masalah mendapatkan maklumat/ bahan yang diperlukan, memberi tunjuk ajar menggunakan GEMILANG dan buku-buku rujukan serta menjawab segala pertanyaan berkaitan perpustakaan.

**Perkhidmatan Pencarian Maklumat Elektronik**
Pencarian maklumat elektronik disediakan di Perpustakaan Tun Seri Lanang melalui perkhidmatan berikut :

**Katalog Awam Dalam Talian**
Katalog Awam Dalam Talian (GEMILANG) adalah rekod asas yang memberi maklumat lengkap mengenai bahan-bahan yang ada di perpustakaan. Di antara fungsi utama yang boleh dicapai oleh pelanggan ialah :

- Semak katalog
- Tempahan bahan
- Menyemak rekod pelanggan
- Memperbaharui pinjaman dalam talian.

Maklumat bibliografi sesuatu bahan boleh diperoleh dengan menyemak katalog melalui :

- Pengarang/penyunting dll.
- Judul
- Perkara/subjek
- Penerbit
- Nombor panggilan.

Komputer untuk mencapai GEMILANG disediakan di semua aras perpustakaan. Pelanggan perlu mencatat nombor panggilan bahan dengan tepat untuk memudahkan pencarian buku di rak.

**Tapak Web**
Tapak web perpustakaan boleh dicapai melalui alamat: *http://www.ukm.my/ptsl*. Semua maklumat terkini mengenai kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan boleh diperoleh di sini. Di antara maklumat utama yang boleh dicapai melalui paparan muka hadapan web ialah pencarian maklumat, panduan pelanggan, perkhidmatan, kemudahan dan koleksi.

**Repositori Pembelajaran dan Penyelidikan**
Inisiatif membangunkan Koleksi Digital UKM telah bermula sejak tahun 2002 dengan pembelian sistem IBM Content Management. Koleksi Digital ini pada asalnya terdiri daripada berbagai pangkalan data dalaman meliputi bahan tesis peringkat sarjana dan doktor falsafah, artikel jurnal dan akhbar arus perdana tempatan, bahan berkaitan perundangan persekutuan dan negeri, akta, rang undang-undang dan enakmen, kertas peperiksaan terpilih, laporan dan kertas kerja seminar.

Perkhidmatan Digital ini telah dinaiktaraf kepada sistem pengurusan baharu iaitu Vital mulai 2012 dan dinamakan Repositori Pembelajaran dan Penyelidikan. Kandungannya juga telah dipertingkatkan kepada pelbagai koleksi terpilih bagi menepati keperluan semasa untuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan koleksi di universiti. Sebagai nilai-tambah ia turut memuatkan koleksi khas seperti bahan manuskrip, nadir dan karya klasik, koleksi sumbangan, koleksi teks ucapan, Koleksi Gambar (memori korporat institusi), bahan multimedia dan bahan dokumen Kerajaan Malaysia. Kebanyakan bahan teks penuh adalah dalam bentuk PDF manakala fail gambar dalam format imej yang seragam.

Repositori ini turut menyediakan fungsi carian yang mudah serta pilihan untuk menelusuri kandungan berdasarkan pelbagai koleksi serta kelompok mengikut nama (*creator*), tajuk perkara atau katakunci (*subject/ keyword*), bentuk bahan (*format type*) dan kategori bahan (*resource type*).

Bagi warga UKM, repositori ini boleh dicapai di alamat http://ptsldigital.ukm.my menggunakan kata pengenalan dan kata laluan perpustakaan. Capaian kepada kandungan digital serta penggunaannya adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

**Pangkalan Data Dalam Talian**
Perpustakaan Tun Seri Lanang melanggan 40 pangkalan data dalam talian yang meliputi 26,869 judul e-jurnal dan 59,530 judul e-buku.

Pangkalan data/e-Jurnal boleh diakses di luar dan dalam rangkaian UKM melalui

- **Portal e-Journal** dengan menggunakan kata pengenalan dan kata laluan (http://www.ezplib.ukm.my)
- Pangkalan data e-jurnal tanpa menggunakan kata pengenalan dan kata laluan boleh diakses dalam UKM sahaja (http://www.ukm.my/ptsl/portal/menu.htm)

Pelanggan juga boleh mengakses pangkalan data e-jurnal di siber@ptsl secara percuma.

**Portal e-Jurnal**
Portal e-Jurnal adalah satu kemudahan (Ezproxy) untuk mengakses pangkalan data dalam talian atau jurnal elektronik langganan perpustakaan di dalam dan di luar rangkaian UKM. Pengaksesan Portal e-Jurnal boleh dilakukan melalui **http://www.ezlib.ukm.my**. Pelajar dan kakitangan UKM perlu mendaftar dengan sistem perpustakaan untuk mengakses Portal e-Jurnal.

Pengaksesan boleh dilakukan selepas rekod perpustakaan pelanggan diaktifkan. Pelanggan perlu menaip kata pengenalan (*user ID*) dan kata laluan (*password*) di muka hadapan Portal e-Jurnal. Kata pengenalan dan kata laluan ini juga digunakan oleh pelanggan untuk mengakses GEMILANG (Katalog Awam Perpustakaan) dan perkhidmatan pinjaman layan diri.

**Sistem e-Rep**
Sistem e-Repositori (e-Rep) berfungsi sebagai sebuah repositori institusi untuk ahli akademik memasukkan bibliografik serta salinan lembut karya ilmiah mereka. Ianya dibangunkan pada Jun 2007 dan diserahkan kepada perpustakaan pada April 2008. Sistem ini menggunakan pangkalan data Informix dan ditadbirkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan perpustakaan.

Sistem e-Rep ini boleh dicapai melalui pautan di Laman Web UKM serta Laman Web Perpustakaan Tun Seri Lanang. Carian publik telah pun disediakan untuk warga UKM dan juga masyarakat luar. Ianya boleh dicapai melalui alamat **http://www.ukm.my/erep**. Hanya warga UKM yang dapat mengakses teks penuh. Teks penuh boleh diakses setelah warga UKM memasukkan kata pengenalan (*ID*) dan kata laluan (*password*) seperti di e-Warga. Bagi masyarakat luar, mereka hanya memperolehi maklumat bibliografik dan abstrak sahaja. Untuk maklumat yang tidak dapat dicapai teks penuh, bahan boleh diperolehi di Koleksi Arkib dan Khas, Aras 6 Perpustakaan Tun Seri Lanang atau di perpustakaan-perpustakaan cabang.

**Internet**

Internet adalah satu sumber penting untuk mendapatkan maklumat terkini. Maklumat boleh diperoleh dengan menggunakan pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan UKM atau menggunakan enjin carian maklumat seperti Yahoo dan Google. Pelanggan boleh mengguna kemudahan ini di siber@ptsl dengan percuma.

**Perkhidmatan Bimbingan dan Pendidikan Pelanggan**

Perkhidmatan ini memberi peluang kepada pelanggan, terutamanya pelajar baru, memahami dengan lebih mendalam peranan perpustakaan sebagai gedung ilmu. Pelbagai program diatur seperti lawatan berpandu, sesi penerangan, tayangan video dan kursus kemahiran maklumat perpustakaan yang dikendalikan oleh pustakawan. Pelajar-pelajar digalakkan mengikuti kursus dan bengkel yang dijadualkan untuk mengetahui kaedah yang terbaik dan berkesan untuk mencari, mengakses, menilai dan mengguna maklumat sama ada bercetak atau elektronik. Perpustakaan juga bersedia memberi tunjuk ajar dan panduan mengurus pusat sumber di fakulti.

**Perkhidmatan Pakej Maklumat**

Perkhidmatan Pakej Maklumat merupakan permohonan untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu bidang/ tajuk daripada pelbagai sumber maklumat sama ada bercetak, media atau elektronik. Maklumat yang diperoleh adalah dalam bentuk teks penuh, abstrak atau indeks. Perkhidmatan pencarian maklumat ini diberi secara percuma kepada ahli akademik UKM, pegawai pengurusan UKM dan juga pelajar pascasiswazah UKM. Pemohon perlu mengisi Borang Perkhidmatan Pakej Maklumat yang boleh didapati dari Meja Penasihat Pembaca Aras 4 serta boleh menghantar permohonan menerusi e-mel, telefon, surat atau faks. Pemohon akan dihubungi melalui telefon, SMS atau e-mel untuk mendapat penjelasan lanjut atau semasa serahan bahan.

**Perkhidmatan *Pay Per View***

Perkhidmatan ini disediakan untuk memperolehi artikel jurnal daripada beberapa pengumpul data atau penerbit yang tidak dilanggan oleh perpustakaan. Perkhidmatan ini adalah percuma. Permohonan adalah menggunakan sistem iQuest (http://www.iquest.net.my)

**Perkhidmatan Media**

Semua pelanggan yang berdaftar sebagai ahli perpustakaan layak mengunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Unit Multiedia, Aras 2. Pelanggan boleh merujuk bahan di unit ini. Pinjaman keluar perpustakaan hanya dibenarkan untuk pelanggan UKM sahaja. Kelayakan pinjaman adalah seperti berikut:

**Pinjaman Keluar Perpustakaan**

| Bil | Kategori | Jumlah Bahan | Tempoh Pinjaman |
|---|---|---|---|
| 1 | Pelajar Prasiswazah | 5 | 7 hari |
| 2 | Pelajar Pascasiswazah | 5 | 7 hari |
| 3 | Kakitangan Sokongan | 5 | 7 hari |
| 4 | Ahli Akademik | 5 | 10 hari |
| 5 | Pegawai Universiti | 5 | 10 hari |

**Pinjaman Dalam Perpustakaan**

| Bil | Kategori | Jumlah Bahan | Tempoh Pinjaman |
|---|---|---|---|
| 1 | Semua Kategori | 1 | 3 jam atau bergantung kepada durasi masa bahan |

**Penerbitan Perpustakaan**
Dalam usaha perpustakaan memberi perkhidmatan maklumat terkini, beberapa penerbitan telah diusahakan, antaranya :

- **Berita Perpustakaan : Inspirasi**
  Buletin Berita Perpustakaan : Inspirasi adalah lidah rasmi perpustakaan yang memuatkan berita dan maklumat mengenai perpustakaan. Ia juga sebagai medan berkarya bagi pustakawan dan kakitangan sokongan untuk menghasilkan penulisan bermutu. Buletin ini boleh dicapai menerusi laman web ***www.ukm.my/ptsl/inspirasis-bulletin***

- **Risalah**
  Risalah yang berkaitan dengan sesuatu perkhidmatan, kemudahan dan koleksi juga disediakan dari masa ke semasa. Risalah ini boleh diperoleh di Meja Penasihat Pembaca di Aras 4. Risalah ini membantu pelanggan mengenali dengan lebih dekat sesuatu perkhidmatan, kemudahan atau koleksi yang terdapat di perpustakaan.

**Pameran**
Perpustakaan mengadakan pameran dari masa ke semasa untuk menarik pelanggan berkunjung ke perpustakaan. Pameran secara berterusan seperti Pameran Buku Baharu, Pameran Bahan dan Peralatan Media, Pameran Karya Ahli Akademik UKM, pameran bertema dan lain-lain memberi peluang kepada pelanggan mengetahui bahan-bahan rujukan terbaharu yang diperolehi perpustakaan. Pameran bertema pada lazimnya diadakan sempena sesuatu aktiviti atau peristiwa seperti mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu, aktiviti Pembudayaan Ilmu Perpustakaan UKM dan sebagainya.

**Tapak Web Perpustakaan**
Laman web perpustakaan menghubungkan pelanggan dengan dunia informasi di internet. Ia juga memberikan maklumat terbaharu tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di PTSL menerusi tapak web www.ukm.my/ptsl/

**Perkhidmatan Pelajar Istimewa (OKU)**
Perkhidmatan pencarian maklumat dan bahan disediakan kepada pelanggan istimewa di Unit Pendidikan Pelanggan dan pelanggan boleh terus memohon di Meja Penasihat Pembaca. Ruang baca dan kemudahan komputer yang dilengkapkan dengan perisian JAWS juga disediakan di Aras 4 dan kemudahan bilik karel juga disediakan di Aras 3, PTSL.

***Door to Door***
Perkhidmatan penyerahan buku terus ke bilik setelah mendapat permohonan dari pensyarah melalui emel d2dptsl@ukm.edu.my. Penghantaran buku berdasarkan permohonan.

***Drive-Thru @ PTSL***
Perkhidmatan membekalkan buku kepada pelanggan dengan hanya singgah dan ambil buku di lokasi yang telah ditetapkan. Pelanggan boleh menghubungi 03-89213446 atau emel bpm@ukm.edu.my atau akses melalui http://goo.gl/forms/A5HtKlxrCY untuk permohonan perkhidmatan ini. Pelanggan perlu menyatakan tajuk buku dan nombor panggilan buku yang diperlukan serta masa untuk mengambil buku.

**KOLEKSI PERPUSTAKAAN**

Sebagai sebuah perpustakaan akademik, perpustakaan akan terus bergerak dan berkembang selaras dengan tuntutan warga universiti khususnya dan masyarakat amnya. Selain daripada enam perpustakaan cabang yang mempunyai koleksi masing-masing, Perpustakaan Tun Seri Lanang mempunyai koleksi seperti berikut :

**Koleksi Am**
Menempatkan buku-buku akses terbuka dalam pelbagai bidang. Buku-buku dalam koleksi ini boleh dipinjam mengikut kategori pelanggan perpustakaan.

**Koleksi Arab dan Tamadun Islam**

Ditempatkan di Aras 4. Ia terdiri daripada buku-buku dalam pelbagai bidang pengajian Islam, sejarah dan ketamadunan, bahasa Arab dan kesusasteraan. Buku-buku ini terdapat dalam bahasa Arab, Inggeris, Melayu dan Indonesia. Ia dikategorikan kepada Koleksi Am (bahan untuk pinjaman) dan Koleksi Rujukan (bahan untuk rujukan sahaja)

**Koleksi Asia Tenggara**

Bahan-bahan dalam koleksi akses terhad ini meliputi pelbagai bidang termasuk agama, bahasa, kesusasteraan, sejarah, politik, sosiologi, ekonomi, kebudayaan, undang-undang, pendidikan serta sains dan teknologi. Pemilihan bahan-bahan adalah berdasarkan kepada kawasan iaitu negara-negara di kawasan Asia Tenggara yang terdiri daripada Malaysia, Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Myammar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Bahan-bahan yang terdapat dalam koleksi ini antaranya ialah buku, tesis pascasiswazah dan kertas kerja persidangan/seminar. Bahan-bahan merangkumi penerbitan dalam Bahasa Melayu, Indonesia, Inggeris, Belanda dan sedikit dalam bahasa-bahasa lain.

**Koleksi Dokumen**

Koleksi Dokumen adalah koleksi terhad dan rujukan sahaja. Ia terdiri daripada semua terbitan kerajaan pusat, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan terbitan badan berkanun serta negara-negara ASEAN. Koleksi ini juga menempatkan bahan terbitan luar negara (tertentu), terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti IMF (International Monetary Fund) dan ILO (International Labour Organization), terbitan United Nations dan badan di bawah naungannya, terbitan OECD (Organization for Economic Cooperation and Development), terbitan Rand Corporation dan terbitan IAEA (International Atomic Energy Agency). Bahan-bahan di koleksi ini terbahagi kepada laporan pentadbiran, penerbitan perangkaan seperti banci penduduk, laporan suruhanjaya dan jawatankuasa, laporan penyelidikan, dasar kerajaan, pelan tindakan, buletin atau jurnal, risalah, brosur, buku cenderamata, poster, koleksi ucapan dan undang-undang.

**Koleksi Arkib UKM**

Koleksi ini mengumpulkan bahan-bahan mengenai sejarah dan perkembangan UKM, merangkumi terbitan rasmi dan rekod universiti, karya ahli-ahli akademik terbitan fakulti/jabatan, terbitan penerbit UKM serta lain-lain terbitan warga kampus. Koleksi Arkib juga merupakan koleksi memori institusi yang diwujudkan bagi tujuan pemeliharaan bahan serta memenuhi keperluan rujukan dan penyelidikan. Beberapa pangkalan data dalaman telah dibangunkan untuk kemudahan rujukan pelanggan perpustakaan. Antara bahan-bahan yang telah didigitasikan adalah laporan penyelidikan dan keratan akhbar mengenai UKM. Maklumat ini boleh diakses melalui alamat http://ptsldigital.ukm.my. Selain daripada itu, bahan penerbitan warga UKM juga boleh diakses melalui sistem e-Repositori Penerbitan di https://www.ukm.my/erep. Koleksi Arkib adalah sebagai koleksi tertutup dan boleh dirujuk semasa waktu pejabat di Aras 6.

**Koleksi Khas**

Koleksi khas merupakan koleksi penting dan tinggi nilainya. Ia menjadi tulang belakang kepada koleksi penyelidikan perpustakaan. Koleksi tertutup ini mengumpulkan buku-buku nadir, manuskrip, bahan habis cetak, penerbitan klasik, buku-buku berharga mahal dan koleksi peribadi. Himpunan ini merangkumi Koleksi Prof. J. Schact, Koleksi Harun Aminurrashid, Koleksi Sastera Peranakan Cina-Indonesia dan beberapa koleksi ahli akademik UKM. Koleksi tertutup ini boleh dirujuk semasa waktu pejabat di Koleksi Khas Aras 6. Senarai koleksi boleh dicapai melalui alamat http://www.ukm.my/ptsl/senarai-koleksi-khas.

**Koleksi Tun Ahmad Sarji**

Koleksi Tun Ahmad Sarji adalah himpunan sebanyak 6,400 naskhah bahan yang telah disumbangkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid. Beliau merupakan Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. Terdapat pelbagai bidang rujukan yang bernilai tinggi yang boleh diperolehi seperti perkhidmatan awam, korporat, warisan dan kesenian, keagamaan, kemasyarakatan serta sukan. Antara bentuk bahan-bahan yang disumbangkan adalah buku, kertas kerja seminar, majalah, surat, koleksi gambar, laporan dan minit mesyuarat. Bahan-bahan ini boleh dirujuk dan ditempatkan khas di Anjung Pro-Canselor Tun Ahmad Sarji, Aras 4.

**Koleksi Rujukan**
Koleksi ini menempatkan bahan-bahan rujukan pelbagai bidang dari karya am, sejarah, sains dan teknologi, sains kemasyarakatan, perubatan sehinggalah ke bidang sains perpustakaan. Ia terdiri daripada bahan rujukan seperti kamus, ensaiklopedia, buku tahunan, atlas, almanak, abstraks, indeks, bibliografi dan sebagainya di Aras 4. Bahan ini hanya untuk rujukan di perpustakaan sahaja.

**Koleksi Tanda Merah**
Menempatkan bahan bacaan utama bagi kursus yang diajar di UKM atau sebagai bacaan wajib yang disyorkan oleh pensyarah. Bahan ini boleh dipinjam mengikut kategori pelanggan perpustakaan. Koleksi ini terletak di Aras 5.

**Koleksi Haram**
Koleksi ini terdiri daripada bahan-bahan yang diharamkan pengedarannya kepada umum oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, buku-buku ini boleh dirujuk dengan syarat pelanggan membawa surat sokongan dari Ketua Jabatan. Koleksi ini ditempatkan di Unit Perkhidmatan Pelanggan, Aras 4. Rujukan boleh dibuat waktu pejabat sahaja.

**Koleksi Sudut Bacaan Ringan**
Terdiri daripada bahan bacaan ringan dan popular. Koleksi ini ditempatkan berhampiran Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Aras 4.

**Koleksi Buku Folio**
Terdiri daripada buku bersaiz besar. Ianya dikategorikan sebagai buku folio apabila mencapai ketinggian melebihi 35 cm atau lebarnya melebihi 25 cm. Koleksi ini terletak di Aras 5.

**Koleksi Jurnal**
Koleksi ini menempatkan jurnal-jurnal terkini dan kebelakangan dalam pelbagai bidang/perkara. Terdapat lebih dari 140,000 naskah jurnal atau hampir 5,000 judul jurnal berada di koleksi ini. Koleksi jurnal terdiri daripada beberapa koleksi kecil seperti berikut :

1. **Jurnal dan Majalah Tempatan**
   Menempatkan jurnal dan majalah terbitan dalam negara seperti terbitan institusi pengajian tinggi awam dan swasta, institut penyelidikan dan sebagainya.
2. **Jurnal Kebelakangan**
   Merupakan jurnal/majalah terbitan luar negara yang telah dijilid. Ia juga menempatkan jurnal/majalah tempatan yang mempunyai naskhah lebihan.
3. **Jurnal Simpan**
   Menempatkan jurnal kebelakangan yang mempunyai lima (5) atau lebih naskhah.
4. **Jurnal Kompaktus**
   Menempatkan jurnal kebelakangan selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu serta jurnal yang bersaiz besar.
5. **Akhbar Harian**
   Menyediakan beberapa judul akhbar harian bercetak arus perdana.

**Koleksi Media**
Koleksi ini menempatkan bahan media terdiri daripada bahan mikro dan pandang dengar dalam pelbagai bidang perkara. Ini termasuklah bahan berbentuk CD, akhbar kebelakangan dan Latihan Ilmiah. Koleksi Media ditempatkan di Unit Multimedia, Aras 2 dan ia merupakan koleksi akses tertutup. Bahan di koleksi ini mempunyai lokasi PTSL-MEDIA di dalam GEMILANG.

**Koleksi Pilih Simpan**
Koleksi ini menempatkan buku-buku yang telah lama tidak dipinjam oleh pelanggan perpustakaan. Buku-buku ini diletakkan di rak khas. Pelanggan yang ingin merujuk/meminjam buku ini perlu memohon di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Aras 4. Buku-buku di koleksi ini boleh dipinjam seperti buku Koleksi Am.

**PENGKELASAN BAHAN PERPUSTAKAAN**

Bahan-bahan perpustakaan dikelaskan menurut bidang/perkara berdasarkan Sistem Pengkelasan Library of Congress. Sistem pengkelasan ini menggunakan kombinasi abjad dan nombor. Ringkasan sistem pengkelasan ini adalah seperti berikut :

| | |
|---|---|
| A | Karya Am |
| B | Falsafah Agama |
| B-BD | Falsafah |
| BF | Psikologi |
| BJ | Etika |
| BH | Estetika |
| BL-BX | Agama |
| BP | Agama Islam |
| BR-BX | Agama Kristian |
| C | Kajian Persejarahan |
| DA | United Kingdom |
| DB-DR | Negara-negara Eropah |
| DS 1-937 | Asia (Am) |
| DT | Afrika |
| DU | Oceania (termasuk Australia, New Zealand, Kepulauan Pasifik) |
| E-F | Sejarah Amerika |
| G | Geografi, Antropologi, Rekreasi |
| H | Sains Kemasyarakatan |
| HA | Statistik |
| HB-HJ | Ekonomi |
| HM-HX | Sosiologi |
| J | Sains Politik |
| K | Undang-Undang |
| L | Pendidikan |
| M | Muzik |
| N | Kesenian |
| P | Bahasa & Kesusasteraan |
| PJ 6001-8517 | Bahasa & Kesusasteraan Arab |
| PJ 5021-5271 | Bahasa & Kesusasteraan Melayu/Indonesia |
| PN | Kesusasteraan (Am) |
| Q | Sains |
| QA | Matematik |
| QB | Astronomi |
| QC | Fizik |
| QD | Kimia |
| QE | Geologi |
| QH-QR | Biologi |
| R | Perubatan |
| S | Pertanian |
| T | Teknologi |
| U-V | Sains Ketenteraan |
| Z | Sains Perpustakaan |

**Nombor Panggilan**
Setiap bahan perpustakaan mempunyai nombor panggilan. Nombor panggilan adalah petunjuk kepada penempatan bahan di rak. Ia terdiri daripada komponen berikut :

- Perkara
- Pembahagian perkara
- Pembahagian mengikut kawasan, format dsb, jika ada
- Nombor berdasarkan entri utama iaitu huruf pertama pengarang atau judul
- Tahun diterbitkan, jika perlu
- Bilangan naskhah, jika perlu

Contoh : DS598.P4T36 1995 n.1

| | |
|---|---|
| DS | Perkara |
| 598 | Pembahagian perkara (sejarah Malaysia) |
| .P4 | Pembahagian perkara mengikut kawasan (negeri Perak) |
| T36 | Nombor entri pengarang |
| 1995 | Tahun diterbitkan |
| n.1 | Bilangan naskhah buku (naskhah pertama) |

**KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN**

**Ruang Bacaan**
Perpustakaan menyediakan ruang bacaan di semua aras yang boleh memuatkan 1,572 orang pelanggan dalam satu masa.

**Zon Senyap**
Ruang yang disediakan kepada yang memerlukan ruang senyap untuk membolehkan pelanggan memberi tumpuan kepada pembelajaran dan terletak di Aras 3 dan Aras 5.

**Bilik Serbaguna/ Seminar**
Terdapat tiga (3) buah bilik Seminar dengan kapasiti setiap bilik boleh menempatkan 20 orang, 30 orang dan 50 orang. Manakala sebuah Bilik Serbaguna di Unit Multimedia boleh menempatkan antara 20 hingga 150 orang. Ianya disediakan untuk pelanggan perpustakaan dan sesuai untuk tayangan video dan sebagainya. Mereka yang ingin menggunakannya, boleh membuat tempahan di Kaunter Unit Multimedia, Aras 2.

**Bilik Latihan Zainal Azman Rajuddin**
Kemudahan ini boleh digunakan untuk tujuan latihan dan acara rasmi yang bersesuaian. Bilik Latihan ini terletak di Aras 2, Unit Multimedia dan boleh menempatkan seramai 40 orang dalam satu masa.

**Bilik Karel**
Bilik Karel disediakan di Aras 3. Terdapat dua (2) cara penggunaan bilik karel. Pertama, bilik karel yang digunakan secara harian. Penggunaannya secara percuma dan urusan pendaftaran dilakukan di Kaunter Perkhidmatan Jurnal, Aras 3. Kedua, bilik karel yang boleh disewa selama sebulan. Kos sewaan ialah RM10.00 dan cagaran RM5.00. Urusan penyewaan dibuat di Kaunter Perkhidmatan Jurnal, Aras 3.

**Bilik Diskusi**
Terdapat lapan belas (18) buah bilik diskusi yang disediakan iaitu tiga (3) buah di Aras 4, sepuluh (10) buah di Aras 3 dan lima (5) buah di Aras 2. Penggunaan Bilik Diskusi adalah percuma. Urusan pendaftaran di Aras 2 boleh dilakukan di Kaunter Unit Multimedia Aras 2. Manakala pendaftaran di Aras 3 boleh dibuat di Kaunter Perkhidmatan Jurnal, Aras 3 dan pendaftaran Bilik Diskusi di Anjung Ilmu PTSL dan di Koleksi Arab dan Tamadun Islam boleh dibuat di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan, Aras 4.

**Salinan Bahan Mikro**
Perkhidmatan ini disediakan di Unit Multimedia, Aras 2. Pelanggan boleh membuat salinan bercetak atau mengimbas maklumat dari bahan mikrofilem dan mikrofis. Maklumat yang diimbas boleh dicetak terus atau dimuat turun ke "*pendrive*" pelanggan. Muat turun adalah percuma dan bayaran 50 sen dikenakan untuk salinan bercetak. Tesis dan latihan ilmiah tidak boleh disalin cetak atau dimuat turun.

**siber@ptsl**
Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl untuk mengakses bahan daripada internet termasuk pangkalan data dalam talian dan e-mel. siber@ptsl juga ada menyediakan komputer untuk penaipan dan mencetak kertas projek, tesis dan sebagainya. Pelanggan juga boleh membaca CD-ROM multimedia dan sebagainya yang diperoleh oleh perpustakaan.

**Ruang Baca 24 Jam**
Ruang Baca 24 Jam ini terletak di Dataran Tun Seri Lanang. Dataran ini menyediakan ruang membaca terbuka yang luas. Dataran ini juga sesuai untuk tujuan perbincangan kerana ruang membaca di dalam perpustakaan tidak membenarkan pelanggan mengadakan perbincangan kecuali di bilik perbincangan. Peti minuman disediakan di penjuru dataran. Pengguna juga boleh mengakses internet melalui WiFi di ruang ini.

**Ruang 24 Jam Abdul Aziz Shaik Mydin**
Ruang ini terletak di Aras 4 bersebelahan Koleksi Rujukan dan boleh juga diakses melalui Jalan Lingkungan Ilmu. Ruang ini dilengkapi dengan kemudahan WiFi dan mempunyai ruang membaca yang selesa.

**Anjung Ilmu PTSL**
Anjung Ilmu PTSL boleh digunakan oleh semua pelanggan perpustakaan. Kemudahan yang terdapat di sini ialah dua (2) buah bilik perbincangan yang memuatkan lapan (8) orang setiap bilik dan dua belas (12) meja karel yang dilengkapi dengan kemudahan punca kuasa dan WiFi untuk kegunaan pelanggan.

**Anjung Pro-Canselor Tun Ahmad Sarji**
Anjung Pro-Canselor Tun Ahmad Sarji yang terletak di Aras 4 menempatkan Koleksi Tun Ahmad Sarji yang boleh digunakan oleh semua pelanggan perpustakaan. Menyediakan ruang rujukan yang luas dan selesa, ruangan ini juga sesuai untuk pelanggan yang ingin mengadakan perbincangan.

**Lokar**
Perpustakaan menyediakan tiga (3) kaedah sewaan lokar :
i) Lokar Layan Diri boleh diguna secara percuma.
ii) Lokar Bulanan berkunci dengan kadar sewa RM5.00 sebulan dan deposit RM15.00.
iii) Lokar Harian boleh diguna secara percuma dan pendaftaran perlu dilakukan di Kaunter Pemeriksaan Masuk/ Keluar Aras 4.

Sekiranya kunci lokar hilang bagi :
i) Lokar bulanan, deposit tidak akan dipulangkan.
ii) Lokar harian, pelanggan perlu membayar RM50.00 untuk menggantikan kunci yang hilang.

**Mesin Pinjaman Layan Diri**
Perpustakaan menyediakan dua (2) buah mesin pinjaman layan diri untuk memudahkan pelanggan perpustakaan meminjam bahan secara layan diri tanpa perlu ke Kaunter Pinjaman dan Pemulangan.

**Mesin Pemulangan Layan Diri**
Perpustakaan menyediakan tiga (3) buah mesin pemulangan buku layan diri. Sebuah ditempatkan di Aras 4 (berdekatan Unit Perkhidmatan Pelanggan) dan sebuah di Aras 3 (berhadapan tempat letak kereta PTSL). Perkhidmatan pemulangan buku layan diri di Aras 3 dibuka 24 jam.

**Makmal Latihan**
Makmal latihan yang boleh memuatkan 35 orang peserta ini terdapat di Aras 4, Unit Pendidikan Pelanggan. Program Kursus Kemahiran Maklumat anjuran PTSL diadakan di makmal ini mengikut jadual yang telah ditetapkan.

**Bilik Sanggar Ilmu**
Kemudahan ini boleh digunakan untuk tayangan dan acara rasmi yang bersesuaian. Bilik ini boleh menempatkan kira-kira 150 orang. Ia terletak di Aras 4, Unit Pendidikan Pelanggan.

**Bilik Pelajar Istimewa**
Ia memberi kemudahan asas kepada pelajar OKU (Cacat Penglihatan) bertempat di Aras 4 berhampiran dengan Meja Penasihat Pembaca. Perpustakaan menyediakan sebuah komputer yang dilengkapi dengan perisian JAWS.

**Bilik Diskusi**
Pendaftaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui sistem tempahan bilik diskusi perpustakaan UKM (drbs.ukm.my). Pelanggan boleh mengambil kunci bilik diskusi di kaunter perkhidmatan mengikut lokasi bilik tersebut.

**Surau**
Surau Tun Seri Lanang terletak di Aras 2 (luar bangunan perpustakaan). Terdapat surau di dalam premis perpustakaan di Aras 3 berdekatan dengan Mahkamah Moot.

**Air Minuman**
Kemudahan air minuman (*Water Dispenser*) disediakan di setiap aras perpustakaan berdekatan dengan lif pelanggan. Tujuannya adalah untuk memudahkan pelanggan mendapatkan air minuman ketika membuat rujukan di perpustakaan.

**Mesin Layan Diri**
Perpustakaan juga menyediakan mesin layan diri di Ruang 24 Jam untuk memudahkan pelanggan makan dan minum.

**Ruang WiFi**
Ruang WiFi terletak di Unit Pendidikan Pelanggan, Aras 4. Ruang ini amat selesa dan santai.

**Sewa Kunci Komputer Riba (*Laptop*)**
Perpustakaan menyediakan kunci komputer riba untuk disewa oleh pelanggan dengan kadar sewa sebanyak RM1.00 sehari. Ianya boleh didapati di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan, Aras 4.

**Kafe**
Sebuah kafe disediakan berdekatan dengan perpustakaan iaitu di Dataran Tun Seri Lanang. Kafe ini menyediakan makanan dan minuman untuk pelanggan yang memerlukannya. Pelanggan boleh makan dan minum di dalam kafe tersebut atau di Dataran Tun Seri Lanang dan tidak dibenarkan membawa makanan dan minuman manis ke dalam perpustakaan.



# PERPUSTAKAAN ALAM DAN TAMADUN MELAYU

**PENGENALAN**

Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (Perpustakaan ATMA) atau dahulunya dikenali sebagai Perpustakaan Cabang Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) ditubuhkan pada tahun 1972. Tujuan penubuhannya adalah untuk menyokong pengajian, penyelidikan dan pentadbiran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) disamping mengumpul segala bahan berkaitan alam dan tamadun Melayu. Idea penubuhannya tercetus daripada satu Program Penyelidikan dan Dokumentasi yang telah dirangka oleh mantan Pengarah ATMA yang pertama, Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Ketika awal penubuhan, Perpustakaan ATMA hanya mempunyai 30,000 naskhah koleksi bahan dan kini pada tahun 2017 koleksi tersebut telah meningkat kepada sekurang-kurangnya 80,517 naskhah merangkumi pembelian bahan dari dalam dan luar negara, sumbangan, hadiah mahupun pertukaran. Perpustakaan ATMA mempunyai beberapa koleksi bahan iaitu Koleksi Am, Koleksi Bidang Bahasa Melayu, Koleksi Rujukan, Koleksi Terbitan Bersiri, Koleksi Khas, Koleksi N.A.Halim, Koleksi Wiramanja, Koleksi Sastera Sunda dan Koleksi Saad Shukri.

Perpustakaan ATMA kini ditempatkan di Aras 2 dan 3, Bangunan ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mulai tahun 2010, Pejabat Am Perpustakaan ATMA ditempatkan di Aras 2 manakala Kaunter Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan bahan ditempatkan di Aras 3.

**WAKTU PEMBUKAAN**

| **Semasa Semester / Cuti Semester** | |
|---|---|
| Isnin – Khamis | 8.00 pagi – 5.00 petang |
| Jumaat | 8.00 pagi – 12.15 tengahari<br>2.45 petang – 5.00 petang |
| Sabtu, Ahad & Cuti Umum | **TUTUP** |

**KEAHLIAN**

Pelajar dan kakitangan UKM yang mendaftar sebagai ahli perpustakaan layak menggunakan semua perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Pendaftaran keahlian boleh dilakukan dengan mengisi borang pendaftaran yang disediakan di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan dan juga di laman web Perpustakaan ATMA. Bagi keahlian luar, sila bawa kad matrik/ surat pengesahan/ pengenalan diri dari perpustakaan/ jabatan/ institusi masing-masing.

Terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- Keahlian pelajar dan kakitangan UKM
- Keahlian luar Perpustakaan UKM
-

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) SEPENUH MASA | |
|---|---|---|---|
| | | RUJUKAN | PINJAMAN |
| 1. | Pelajar Prasiswazah (Warganegara) | PERCUMA | 50.00 |
| 2. | Pelajar Prasiswazah (Bukan Warganegara) | PERCUMA | 70.00 |
| 3. | Pelajar Pascasiswazah (Sarjana & Phd) (Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan | PERCUMA | 150.00<br>75.00 (SEPARUH MASA) |
| 4. | Pelajar Pascasiswah (Sarjana & Phd) (Bukan Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan | PERCUMA | 200.00<br>100.00 (SEPARUH MASA) |
| 5. | Ahli Akademik (termasuk Ahli Akademik Kontrak) | PERCUMA | 50.00 – 70.00 |
| 6. | Ahli Akademik/ Tutor/ Felo* (Sambilan/ Pelawat) | PERCUMA | 75.00 – 200.00 |
| 7. | Pegawai Universiti | PERCUMA | PERCUMA |
| 8. | Kakitangan Sokongan | PERCUMA | PERCUMA |
| 9. | Permata Pintar | PERCUMA | PERCUMA |
| 10. | Asasi Pintar | PERCUMA | 100.00 |

** Mesti sertakan surat pengesahan / lantikan universiti / jabatan*

**Keahlian Luar Perpustakaan UKM**

| Bil | Kategori | Yuran (RM) | | Tempoh/ Bilangan Pinjaman |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 1 | Ahli Akademik / Pelajar IPT Awam / Swasta (Ahli PERPUN) | 20.00 / hari | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 2 | Ahli Akademik / Pelajar IPT Awam / Swasta (bukan Ahli PERPUN) | 20.00 / hari | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 3 | Pelajar Luar Negara | 20.00 / hari | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 4 | Kakitangan Kerajaan | 20.00 / hari | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 5 | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | Percuma (dengan kad) / 20.00 *(tanpa kad)* | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 6 | Pesara UKM | Percuma | Tidak ditawarkan | 2 buah / 14 hari |
| 7 | Keahlian Kehormat | Percuma | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 8 | Alumni | Percuma | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 9 | Orang Perseorangan | 20.00 / hari | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 10 | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | Percuma | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 11 | Ahli Harian | 20.00/ hari | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |
| 12 | Pelajar Sekolah Menengah | Membawa surat kebenaran daripada pihak sekolah | Tidak ditawarkan | Rujukan sahaja |

**KELAYAKAN PINJAMAN**

**Pelajar dan Kakitangan UKM**

| Bil | Kategori | Kemudahan Pinjaman / Had Pinjaman / Masa |
|---|---|---|
| | | Koleksi Am |
| 1. | Pelajar Prasiswazah | 3 buah / 7 hari |
| 2. | Pelajar Pascasiswazah | 5 buah / 14 hari |
| 3. | Ahli Akademik (termasuk Ahli Akademik Kontrak) | 5 buah / 14 hari |
| 4. | Ahli Akademik / Tutor / Felo (Sambilan / Pelawat) | 3 buah / 7 hari |
| 5. | Pegawai Universiti | 5 buah / 14 hari |
| 6. | Kakitangan Sokongan | 3 buah / 7 hari |
| 7. | Pelajar Prasiswazah dari Pusat Kembangan Pendidikan | 3 buah / 7 hari |
| 8. | Pelajar Pascasiswazah dari Pusat Kembangan Pendidikan | 5 buah / 14 hari |
| 9. | Keahlian Kehormat – sumbangan RM6,000.00 (staf UKM) atau sumbangan RM10,000.00 (pihak luar) atau sumbangan 500 naskah buku | Tidak ditawarkan |
| 10. | Permata Pintar | 1 buah / 7 hari |
| 12. | Asasi Pintar | 1 buah / 7 hari |

**Ahli Luar Perpustakaan UKM**

| Bil | Kategori | Kemudahan Pinjaman / Had Pinjaman / Masa |
|---|---|---|
| | | Koleksi Am |
| 1. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam | Tidak ditawarkan |
| 2. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Swasta | Tidak ditawarkan |
| 3. | Pelajar Luar Negara | Tidak ditawarkan |
| 4. | Kakitangan Kerajaan | Tidak ditawarkan |
| 5. | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | Tidak ditawarkan |
| 6. | Orang Perseorangan | Tidak ditawarkan |
| 7. | Pesara UKM | 2 buah/ 14 hari |
| 8. | ALUMNI UKM | Tidak ditawarkan |
| 9. | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | Tidak ditawarkan |

**PERKHIDMATAN**

**Pinjaman dan Pemulangan**

Semua keahlian pelajar dan kakitangan UKM (berdasarkan kategori) adalah layak untuk meminjam atau merujuk bahan perpustakaan serta menggunakan segala kemudahan yang terdapat di Perpustakaan ATMA. Bagi keahlian luar perpustakaan (kecuali pesara UKM) pula hanya dibenarkan untuk merujuk sahaja. Pelanggan diminta menunjukkan kad kampus / ahli korporat kepada kakitangan yang bertugas setiap kali ingin menggunakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan.

- **Denda Lewat Pulang Bahan**
  Denda sebanyak 50 sen sehari akan dikenakan kepada setiap naskah buku yang lewat dipulangkan.

- **Denda Hilang Buku**
  Denda akan dikenakan seperti berikut :
  i) Kemudahan meminjam buku digantung selepas 30 hari sehingga membayar denda atau menggantikan buku yang hilang;
  ii) Menggantikan buku yang sama atau edisi terbaharu beserta wang proses sebanyak-RM100.00 atau ;
  iii) Menggantikan buku yang sama bidang perkara dan wang proses sebanyak RM100.00
  iv) atau;
  v) Membayar harga buku berkenaan (harga semasa) dan wang proses sebanyak RM100.00

**Katalog Awam Atas Talian**
Kemudahan komputer untuk mengakses Katalog Awam Atas Talian (OPAC) iaitu GEMILANG (Gedung Maklumat Ilmu Tun Seri Lanang) terdapat di Perpustakaan ATMA untuk pencarian bahan yang terdapat dalam koleksi perpustakaan. GEMILANG yang bertindak sebagai katalog kepada koleksi perpustakaan boleh di akses di ***http://gemilang.ukm.my***. Pelanggan perlu memasukkan nombor kad pelajar) dan katalaluan (nombor kad pengenalan) untuk fungsi berikut :

- **Pencarian Bahan**
  Pencarian bahan boleh dilakukan melalui pengarang/ judul/ perkara dan kata kunci. Tujuan pencarian adalah untuk mengenalpasti lokasi dan status bahan yang diperlukan sama ada berada di rak atau telah dipinjam oleh pelanggan lain.

- **Tempahan Bahan**
  Pelanggan boleh menempah bahan melalui GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan sedang dipinjam oleh pelanggan lain. Pembatalan terhadap tempahan juga boleh dibuat melalui GEMILANG. Selepas buku dipulangkan oleh peminjam, penempah diberi masa tujuh (7) hari untuk mendapatkan dan meminjam buku tersebut di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan.

- **Pembaharuan Pinjaman Secara Atas Talian**
  Pelanggan juga boleh memperbaharui pinjaman mereka melalui GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan belum lewat atau tamat tempoh pinjaman, bahan tidak ditempah oleh pelanggan lain dan tidak mempunyai denda yang belum berbayar. Pembaharuan melalui GEMILANG hanya boleh dilakukan 3 kali sahaja dan hendaklah dibuat sebelum tarikh pemulangan.

- **Semakan Denda/ Rekod Pinjaman**
  Pelanggan boleh menyemak rekod pinjaman masing-masing seperti jumlah pinjaman, jumlah denda, status tempahan, dan lain-lain.

**Sistem Pembekalan Penerbitan**
Perkhidmatan ini diberikan kepada kakitangan akademik/ ikhtisas/ pentadbiran, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah tahun akhir. Melalui perkhidmatan ini, pemohon boleh meminjam bahan asal atau memperoleh bahan salinan yang tidak terdapat di perpustakaan. Permohonan dibuat melalui sistem iQuest yang dapat diakses melalui laman web perpustakaan atau menerusi alamat ***http://www.iquest.net.my***.

**Tapak Web Perpustakaan**
Tapak Web Perpustakaan boleh dicapai melalui alamat ***http://www.ukm.my/patma.*** Pelanggan boleh mendapatkan maklumat mengenai koleksi, perkhidmatan yang ditawarkan, senarai perolehan buku baharu dan lain-lain maklumat mengenai organisasi dari masa ke semasa. Perpustakaan ATMA juga mempunyai laman sosial media seperti berikut:

- ***Facebook* Perpustakaan**
  Perpustakaan mempunyai laman sosial *facebook* di bawah nama Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu. Pelanggan boleh memberikan komen atau cadangan untuk penambahbaikan perpustakaan di masa akan datang selain pertanyaan berkenaan perkhidmatan perpustakaan.

- **Blog Perpustakaan**
  Perpustakaan ATMA mempunyai blog yang memuatkan tentang aktiviti, program dan lawatan yang dijalankan di perpustakaan. Blog tersebut boleh diakses di ***http://patmaukm.blogspot.my/***

**Perkhidmatan Bentuk Elektronik**
Pelanggan Perpustakaan ATMA boleh mendapatkan maklumat dan sumber rujukan dalam bentuk elektronik melalui portal dan pangkalan data seperti berikut:

- **Repositori Pembelajaran dan Penyelidikan (*http://ptsldigital.ukm.my*)** – meliputi bahan tesis peringkat sarjana dan doktor falsafah, artikel jurnal dan artikel akhbar, bahan berkaitan perundangan persekutuan dan negeri, akta, rang undang-undang dan enakmen, kertas peperiksaan terpilih, laporan dan kertas kerja seminar.

- **Portal e-Journal (*http://www.ezplib.ukm.my*)** – pangkalan data atas talian atau jurnal elektronik langganan perpustakaan di dalam dan di luar rangkaian UKM.

- **Sistem e-Rep (*http://www.ukm.my/erep*)** – sebuah repositori institusi untuk ahli akademik memasukkan bibliografik serta salinan lembut karya ilmiah mereka. Hanya warga UKM yang dapat mengakses teks penuh karya tersebut.

**Pameran**
Perpustakaan ATMA mengadakan pameran seperti berikut:

- **Pameran Bulanan**
  Pameran bulanan diadakan dengan tema yang berkaitan bidang alam dan tamadun melayu.

- **Pameran Isu Semasa**
  Pameran ini berkenaan dengan isu semasa dalam dan luar negara berdasarkan sumber bercetak dan elektronik yang bersesuaian.

- **Pameran Bahan Baharu**
  Pameran ini diadakan bertujuan untuk mempromosi bahan baharu yang terdapat di Perpustakaan ATMA.

**KEMUDAHAN**

**Fotokopi**
Perkhidmatan fotokopi secara layan diri yang dikendalikan oleh pihak swasta disediakan untuk kemudahan pelanggan membuat fotokopi. Pelanggan perlu membeli kad fotokopi di Kaunter Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan.

**Akhbar Harian**
Perpustakaan melanggan empat (4) akhbar harian utama iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, Sinar Harian dan The Star untuk rujukan dan bacaan ringan pelanggan.

**Bilik Mesyuarat**
Perpustakaan menyediakan Bilik Mesyuarat di mana pelanggan boleh menggunakan bilik ini dengan mendaftar/ menempah di Aras 2, Pejabat Am, Perpustakaan ATMA.

**Kemudahan Internet**
Semua komputer di dalam perpustakaan disediakan dengan kemudahan internet. Perpustakaan juga mempunyai kemudahan Wi-Fi.

**Lokar Terbuka**
Perpustakaan menyediakan kemudahan lokar terbuka yang terdapat di dalam perpustakaan untuk kegunaan pelanggan.

**Pinjaman Samsung Galaxy Tab**
Kemudahan pinjaman Samsung Galaxy Tab disediakan untuk pelanggan perpustakaan. Pelanggan boleh meminjam dari Kaunter Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan dan penggunaan hanya terhad di dalam perpustakaan sahaja.

**Bilik Diskusi**
Terdapat sebuah bilik diskusi yang terletak di Aras 3. Pelanggan boleh menggunakan bilik ini dengan mendaftar/ menempah di Sistem Tempahan Bilik Diskusi Perpustakaan UKM (***http://drbs.ukm.my***)

**Door to Door**
Perkhidmatan membekalkan buku yang dipinjam dengan cara membuat serahan terus ke bilik pensyarah. Pensyarah boleh membuat permohonan dengan menghantar maklumat yang diperlukan iaitu nombor pekerja, judul buku, lokasi (bilik pensyarah) dan masa penghantaran buku tersebut.

**Drive-Thru**
Perkhidmatan membekalkan buku kepada pelanggan dengan hanya singgah dan ambil buku di hadapan bangunan Perpustakaan ATMA. Pelanggan boleh membuat permohonan dengan menghantar maklumat seperti nombor pelajar, judul buku, nombor panggilan dan pemakluman masa untuk mengambil buku tersebut.

**KOLEKSI**

Koleksi bahan di Perpustakan ATMA terbahagi kepada dua :

- Akses terbuka yang boleh dirujuk dan dipinjam keluar oleh ahli iaitu Koleksi Am.
- Akses terhad/tertutup yang hanya untuk rujukan di dalam perpustakaan sahaja seperti Koleksi Rujukan, Koleksi ~~Bidang~~ Bahasa Melayu, Koleksi Khas dan beberapa koleksi lain.

**Koleksi Am**
Koleksi ini boleh dirujuk dan dipinjam keluar oleh pelanggan dengan kelayakan pinjaman berdasarkan kategori masing-masing. Koleksi ini menempatkan bahan pelbagai bidang pengajian di UKM.

**Koleksi Bahasa Melayu**
Koleksi ini menempatkan bahan berkaitan bidang penyelidikan bahasa Melayu. Terdiri daripada pelbagai kategori bahan seperti buku, tesis, jurnal, seminar, risalah dan bahan rujukan. Koleksi ini merupakan koleksi terhad yang hanya boleh dirujuk sahaja dan mempunyai awalan "8 kbm" pada nombor panggilannya.

**Koleksi Rujukan**
Koleksi Rujukan tidak boleh dipinjam keluar dan hanya boleh dirujuk di dalam perpustakaan sahaja. Koleksi ini merangkumi bahan berkenaan alam Melayu yang terdiri daripada atlas, kamus, ensiklopedia, direktori, bibliografi, indeks, abstrak dan buku panduan. Bahan yang terdapat di koleksi ini mempunyai awalan '8 ruj' pada nombor panggilannya.

**Koleksi Terbitan Bersiri**
Koleksi ini mempunyai awalan '8 siri' pada nombor panggilannya, merangkumi bahan jurnal, majalah serta bahan terbitan bersiri sama ada terbitan dalam atau luar negara.

**Koleksi Tesis dan Latihan Ilmiah**
Koleksi ini menempatkan tesis dari universiti dalam dan luar negara mengenai beberapa bidang yang berkaitan serta latihan ilmiah pelajar prasiswazah mengenai kesusasteraan Melayu daripada Jabatan Persuratan Melayu, UKM.

**Koleksi Khas**
Merupakan koleksi Melayu dari seluruh nusantara dan dunia Melayu-Polinesia termasuk Koleksi Melayu Sri Lanka, Afrika Selatan, Koleksi Bahasa Melayu Surinam, bahan nadir dalam ~~B~~bahasa Belanda (maklumat berkaitan bahasa dan masyarakat Melayu pada abad ke-16).

**Koleksi N.A Halim**
Koleksi unik yang mengabadikan rakaman pengembaraan budayawan dan sejarawan, Allahyarham Halim Nasir (N.A. Halim) selama lebih tiga dekad dalam bidang fotografi, senibina, senilukis, pakar perunding dan penulis tamu. Koleksi puluhan tahun ini daripada buku, jurnal, majalah, kertas kerja, pelan, gambar, slaid serta peta dalam bidang seni budaya dan seni bina Melayu.

**Koleksi Sastera Sunda**
Novel picisan dalam bahasa Sunda terbitan tahun 1969-1975 yang disifatkan sebagai kumpulan bahan dalam bahasa Sunda yang terbesar berada di luar tanah Sunda. Buku dalam koleksi ini pernah didaftarkan dalam Katalog Koleksi Melayu (dikompilasi oleh Perpustakaan ATMA, 1990) bersama karya dalam bahasa Indonesia yang lain.

**Koleksi Wiramanja**
Wiramanja adalah nama pena seorang budayawan dan karyawan, Encik Abdul Rahman bin Ahmad Hanafiah. Koleksi ini terdiri daripada 40 Koleksi Skrip Tan Sri P. Ramlee, cakera padat (lagu-lagu Melayu dan sedikit lagu luar negara), majalah, tesis dan buku-buku yang mengandungi karya peribadi beliau berupa antologi puisi dan drama yang sebahagiannya telah diterbitkan oleh RTM.

**Koleksi Saad Shukri**
Merupakan koleksi karya Allahyarham Saad Shukri Haji Muda, yang merupakan seorang ahli politik, budayawan dan karyawan yang aktif di Kelantan pada tahun 1930an hingga 1960an. Koleksi ini terdiri daripada kamus dan ensiklopedia dalam bidang politik, budaya dan bahasa yang masih dalam bentuk taipskrip.

**Koleksi Keratan Akhbar**
Perpustakaan juga menyimpan koleksi keratan akhbar mengenai pengajian Melayu daripada Berita Harian dan Utusan Malaysia sejak tahun 1986 hingga 1999.



# PERPUSTAKAAN UNDANG – UNDANG

## PENGENALAN

Perpustakaan ditubuhkan sebagai unit pada Mac 1985 di Perpustakaan Tun Seri Lanang. Pada Jun 1996, unit ini telah berpindah ke bangunan baru terletak di fakulti. Sejak itu unit berkenaan telah berfungsi sebagai perpustakaan cabang dan dikenali sebagai perpustakaan.

Matlamat utama penubuhan perpustakaan adalah untuk membantu proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan melalui penyediaan perkhidmatan dan koleksi bahan terkini dalam bidang .

Koleksi perpustakaan terdiri daripada buku am, buku teks, statut, laporan undang-undang, tesis, jurnal dan koleksi pandang dengar. Perpustakaan juga memiliki koleksi khas seperti Koleksi Hooker, Koleksi YM Tengku Ahmad Rithauddeen dan Koleksi YM Raja Aziz Addruse.

Perpustakaan juga melanggan pangkalan data khusus dalam bidang undang-undang seperti Lexis Legal Research for Academics, Westlaw Asia, Lawnet , Heinonline, Current Law Journal dan e-buku.

### Waktu Pembukaan

| **Semasa Semester** | |
|---|---|
| Isnin – Khamis<br>Jumaat<br><br><br>Sabtu & Ahad<br>Sabtu Minggu Pertama setiap bulan | 8.00 pagi – 10.00 malam<br>8.00 pagi – 12.15 tengahari<br>2.45 petang – 10.00 malam<br><br>10.00 pagi – 5.00 petang<br>**TUTUP** |
| **Cuti Semester** | |
| Isnin – Khamis<br>Jumaat<br><br><br>Sabtu<br>Sabtu Minggu Pertama setiap bulan, Ahad & Cuti Umum | 8.00 pagi – 5.00 petang<br>8.00 pagi – 12.15 tengahari<br>2.45 petang – 5.00 malam<br><br>10.00 pagi – 5.00 petang<br>**TUTUP** |

## KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Pelajar dan kakitangan UKM yang mendaftar sebagai ahli perpustakaan UKM layak menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Pendaftaran keahlian boleh dilakukan dengan mengisi borang pendaftaran yang disediakan di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan, aras 1, perpustakaan. Bagi keahlian luar, sila bawa kad matrik/ surat pengesahan/ pengenalan diri dari perpustakaan/ jabatan/ institusi masing-masing.

Terbahagi kepada dua kategori iaitu:
- Keahlian pelajar dan kakitangan UKM
- Keahlian luar Perpustakaan UKM

### Keahlian Pelajar dan Kakitangan UKM

| **Bil** | **Kategori** | **Yuran Tahunan (RM)** | | **Kelayakan Pinjaman** |
|---|---|---|---|---|
| | | **Rujukan** | **Pinjaman** | **Koleksi Am** |
| 1 | Pegawai Universiti/ Akademik UKM/ Tutor | Percuma | Percuma | 25 buah/ 30 hari |
| 2 | Akademik Sambilan/ Tutor Sambilan/ Profesor Pelawat/ Felo Pelawat | Percuma | Percuma | 10 buah/ 30 hari |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | Kakitangan Sokongan UKM | Percuma | Percuma | 2 buah/ 7 hari |
| 4 | Pelajar Prasiswazah | Percuma | 100.00 | 5 buah/ 7 hari |
| 5 | Pelajar Pascasiswazah | Percuma | 200.00 | 7 buah/ 14 hari |
| 6 | Skim Khidmat Sementara/ Pembantu Penyelidik/ Jurutunjuk | Percuma | Percuma | 3 buah/ 14 hari |
| 7 | Alumni UKM | Percuma | 100.00 | 2 buah/ 14 hari |
| 8 | Permata Pintar | Percuma | Percuma | 1 buah/ 14 hari |

**Keahlian Luar Perpustakaan UKM**

| **Bil** | **Kategori** | **Yuran Tahunan (RM)** | | **Kelayakan Pinjaman** |
|---|---|---|---|---|
| | | **Rujukan** | **Pinjaman** | **Koleksi Am** |
| 1 | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam/ Swasta (Ahli PERPUN)* | Percuma | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |
| 2 | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam/ Swasta (BUKAN Ahli PERPUN)* | 100.00 | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |
| 3 | Pelajar Luar Negara | 200.00 | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |
| 4 | Pesara UKM | Percuma | Tidak ditawarkan | 2 buah /14 hari |
| 5 | Alumni UKM | Percuma | 100.00 | 2 buah/14 hari |
| 6 | Orang Perseorangan | 200.00 | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |
| 7 | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | Percuma | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |
| 8 | Ahli Harian | 20.00/ hari | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |

**Sila bawa kad matrik/ surat pengenalan diri dari Perpustakaan/ Jabatan/ Institusi masing-masing.*

## PERKHIDMATAN

### Pinjaman dan Pemulangan

Pelanggan yang telah mendaftar sebagai ahli perpustakaan layak meminjam bahan berdasarkan kelayakan yang ditetapkan. Pelanggan perpustakaan dikehendaki menunjukkan kad keahlian atau kad kampus kepada kakitangan yang bertugas setiap kali hendak meminjam bahan atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Bahan yang dipinjam mestilah dipulangkan sebelum atau pada tarikh pemulangan yang ditetapkan seperti yang tertera pada slip pemulangan.

### Pembaharuan Pinjaman

Pembaharuan pinjaman boleh dilakukan secara atas talian menerusi Gemilang dengan syarat-syarat seperti berikut:

- Pembaharuan hendaklah dilakukan sebelum tarikh tamat pengajian.
- Pembaharuan secara atas talian hanya boleh dilakukan maksimum 3 (tiga) kali sahaja.
- Tiada denda.
- Bahan tidak ditempah oleh pelanggan lain.
- Tiada buku dalam pinjaman yang tamat tempoh.

Pembaharuan pinjaman juga boleh dilakukan menerusi Kaunter Pinjaman dan Pemulangan, aras 1.

**Denda & Penalti**

**Denda Lewat Pulang Bahan**

- Bayaran denda dan penalti yang dikenakan kepada pelanggan yang lambat memulangkan buku adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Denda | Koleksi am 30 sen sehari per naskhah |
| Penalti | RM5.00 bagi minggu pertama (4-7 hari)<br>RM10.00 bagi minggu kedua (8-14 hari)<br>RM15.00 (15 – 21 hari)<br>Tambahan RM5.00 pada setiap minggu |

**Denda Menghilangkan/ Merosakkan Buku**
Denda akan dikenakan seperti berikut :

- Keahlian digantung serta merta sehingga membayar denda menghilangkan buku
- Menggantikan buku yang sama atau edisi terbaru beserta wang proses sebanyak RM100.00
- **ATAU** menggantikan buku yang sama bidang perkara dan wang proses sebanyak RM100.00
- **ATAU** membayar harga buku berkenaan (harga semasa) dan wang proses sebanyak RM100.00.

**Perkhidmatan Rujukan dan Khidmat Nasihat**
Perpustakaan menyediakan perkhidmatan ini bagi membantu pelanggan mendapatkan bahan atau maklumat dalam bidang yang diperlukan dengan berkesan. Pelanggan yang memerlukan perkhidmatan ini boleh mengajukan pertanyaan kepada kakitangan yang bertugas di Meja Penasihat Pembaca di aras 1 atau Pustakawan di Unit Perkhidmatan Maklumat, aras 2.

**Kursus Kemahiran Maklumat**
Perkhidmatan ini memberi pendedahan kepada pelanggan berkenaan sumber perpustakaan, membina kemahiran dan meningkatkan pengetahuan dalam mengakses bahan dan maklumat dengan berkesan melalui kursus-kursus yang dijalankan. Kursus ini diwajibkan kepada pelajar baharu dan juga berdasarkan permintaan. Di antara kursus yang ditawarkan ialah:

LS24 Kursus Kemahiran Maklumat Penyediaan Bibliografi
LS38 Kursus Kemahiran Maklumat Undang-Undang
LS381 Kursus Kemahiran Maklumat Undang-Undang dan Tugasan
UK1011 Teknologi Maklumat dan Undang-Undang

**Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)/Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)**
Perkhidmatan ini memberi kemudahan kepada pelanggan untuk mendapatkan buku atau artikel yang tidak terdapat dalam koleksi Perpustakaan UKM. Perpustakaan akan memohon untuk meminjam bahan atau mendapatkan artikel daripada perpustakaan lain dari dalam dan luar negara. Perkhidmatan ini disediakan untuk ahli akademik, pegawai pentadbiran/ikhtisas universiti dan pelajar pascasiswazah. Pelanggan hanya perlu mengisi borang atau menghantar maklumat bahan yang diperlukan ke e-mel lawlib@ukm.edu.my atau membuat permohonan secara atas talian melalui sistem i-Quest di http://iquest.net.my/iquest/

**Senarai Buku Baharu**
Mengandungi maklumat perolehan buku baharu Perpustakaan. Senarai dikeluarkan secara tahunan dan dipautkan di tapak web Perpustakaan (http://www.ukm.my/puu)

**Pameran Buku Baharu**
Pameran diadakan setiap bulan bagi tujuan mempromosikan bukubaharu yang diperolehi oleh Perpustakaan.

**Perkhidmatan Pakej Maklumat**
Perkhidmatan ini memberi peluang kepada pelanggan untuk mendapatkan maklumat memgenai sesuatu bidang perkara/ tajuk dari sumber bercetak dan elektronik. Perkhidmatan ini **PERCUMA** kepada ahli akademik dan pelajar pascasiswazah. Pemohon hanya perlu mengisi Borang Perkhidmatan Pakej Maklumat yang boleh didapati dari Kaunter Pinjaman dan Pemulangan ataupun menerusi e-mel m_adnan@ukm.edu.my

**Perkhidmatan Pay Per View**
Menyediakan pembekalan penerbitan bagi artikel yang tidak terdapat dalam koleksi sumber maklumat elektronik perpustakaan berdasarkan permintaan pelanggan. Meliputi artikel jurnal/ persidangan dan bab dalam buku daripada pangkalan data terpilih. Permohonan boleh dibuat melalui sistem i-Quest di alamat http://iquest.net.my/iquest/

**Perkhidmatan Elektronik**
Pelanggan Perpustakaan boleh mendapatkan maklumat dan sumber rujukan dalam bentuk elektronik melalui portal dan pangkalan data seperti berikut:

- **Repositori Pembelajaran dan Penyelidikan** (http://ptsldigital.ukm.my) – meliputi bahan tesis peringkat sarjana dan doktor falsafah, artikel jurnal dan artikel akhbar, bahan berkaitan perundangan persekutuan dan negeri, akta, rang undang-undang dan enakmen, kertas peperiksaan terpilih, laporan dan kertas kerja seminar.
- **Portal e-Journal** (http://www.ezplib.ukm.my)–pangkalan data atas talian atau jurnal elektronik langganan perpustakaan di dalam dan di luar rangkaian UKM.
- **Sistem e-Repositori Penerbitan** (http://www.ukm.my/erep) – sebuah repositori institusi untuk ahli akademik mendaftarkan penerbitan ilmiah mereka. Hanya warga UKM yang dapat mengakses teks penuh karya tersebut.

## KOLEKSI

Koleksi bahan di Perpustakan Undang-Undang terbahagi kepada dua :

- Akses terbuka yang boleh dirujuk dan dipinjam keluar oleh ahli iaitu Koleksi Am.
- Akses terhad/tertutup yang hanya untuk rujukan di dalam perpustakaan sahaja seperti Koleksi Rujukan, Statut, Laporan Undang-Undang, Jurnal, Tesis, Koleksi Khas dan beberapa koleksi lain.

**Buku Am**
Koleksi Buku Am yang boleh dipinjam dan ditempatkan di rak terbuka di aras 1. Nombor panggilan bagi buku ini diberi awalan '2C'. Terdapat juga buku bukan bidang undang-undang yang ditempatkan di Perpustakaan dan diberi awalan '21'.

**Bahan Rujukan**
Bahan rujukan diberi awalan 'ruj' manakala bahan bibliografi dan indeks pula diberi awalan 'ZZ'. Koleksi ini ditempatkan di aras 1, berhadapan dengan Kaunter Pinjaman& Pemulangan. Koleksi ini terdiri daripada indeks, bibliografi, kamus, buku tahunan, contoh borang mahkamah dan lain-lain.

**Statut**
Bahan yang dikelaskan sebagai statut adalah akta, akta pindaan, ordinan, perundangan/peraturan, enakmen, warta kerajaan dan perbahasan parlimen. Bahan ini ditempatkan di aras 2 dan diberi awalan '2A'. Bahan ini tidak boleh dipinjam dan hanya boleh dirujuk di dalam Perpustakaan sahaja.

**Laporan Undang-Undang**
Laporan terdiri daripada koleksi kes-kes mahkamah yang dilaporkan atau tidak dilaporkan dan *digest*. Bahan ini ditempatkan di aras 2 dan diberi awalan '2B'.Bahan ini tidak boleh dipinjam dan hanya boleh dirujuk di dalam Perpustakaan sahaja.

**Jurnal**
Jurnal disusun di rak mengikut abjad dan ditempatkan di aras 2. Senarai judul jurnal ditampal di bahagian depan panel rak untuk membantu pelanggan mengesan judul dengan cepat.

**Tesis Sarjana dan Doktor Falsafah**
Bahan ini untuk rujukan sahaja dan boleh diperolehi di Kaunter Pinjaman& Pemulangan, aras 1.

**Bahan Seminar**
Bahan seminar yang diterbitkan dan yang tidak diterbitkan diberi awalan '2 Sem' dan diikuti dengan 'C'. Bahan ini ditempatkan di Koleksi Rujukan di aras 1.

**Koleksi Hooker**
Bahan ini dahulunya merupakan koleksi Prof. *M.B. Hooker*, seorang pengkaji adat. Setiap bahan diberi awalan '23' pada nombor panggilannya. Bahan ini ditempatkan di ruang khas di aras 2, untuk rujukan sahaja dan tidak boleh dipinjam keluar dari Perpustakaan.

**Koleksi ASEAN**
Koleksi ASEAN dibangunkan mulai 2013. Koleksi ini terdiri daripada buku berkaitan undang-undang negara ASEAN dan ditempatkan di Ruang Santai Perpustakaan. Bahan ini diberi awalan '22' dan boleh dipinjam.

**Koleksi YM Tengku Ahmad Rithauddeen**
Bahan ini ditempatkan di Bilik Fakulti Perpustakaan dan merupakan koleksi sumbangan YM Tengku Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail, mantan Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. Koleksi ini hanya boleh dirujuk di dalam perpustakaan sahaja.

**Koleksi YM Raja Aziz Addruse**
Koleksi ini terdiri daripada jurnal, laporan undang-undang, statut dan buku sumbangan Puan Catherine Addruse, isteri kepada Allahyarham YM Raja Aziz Addruse. Allahyarhammerupakan seorang peguam yang terkenal dengan prinsip kemanusiaan dan telah dipilih sebagai Yang Dipertua Malaysian Bar Council sebanyak 3 kali. Koleksi ini ditempatkan di ruang khas di aras 2 dan hanya boleh dirujuk di ruang tersebut sahaja.

**Pangkalan Data**
Perpustakaan melanggan lima (5) pangkalan data khusus dalam bidang undang-undang seperti berikut:

- Lawnet On-Line Law Library
- CLJ Law
- Lexis Legal Research for Academics
- Westlaw Asia
- Heinonline

Pangkalan data ini boleh diakses dari dalam dan luar kampus UKM melalui portal e-jurnal.

**KEMUDAHAN**

**Zon WiFi**
Kemudahan WiFi meliputi keseluruhan bangunan Perpustakaan dan kawasan sekitarnya. Penggunaannya adalah percuma dan tanpa had.

**Bilik Diskusi**
Terdapat tiga (3) buah bilik diskusi yang terletak di aras 2. Pelanggan boleh menggunakan bilik ini dengan mendaftar/ menempah di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan, aras 1.

**Lokar**
Perpustakaan menyediakan kemudahan sewaan lokar berkunci dengan bayaran RM5.00 sebulan dan bayaran cagaran yang dikenakan sebanyak RM15.00. Urusan penyewaan boleh dibuat di Kaunter Pinjaman& Pemulangan, aras 1.

**Bilik Tayangan**
Kemudahan ini terletak di aras 2 dan dilengkapi dengan alat pandang dengar. Pensyarah dan juga pelajar dibenarkan untuk menggunakannya bagi tujuan kelas atau perbincangan. Pelanggan boleh menggunakannya dengan mendaftar/ menempah di Kaunter Pinjaman& Pemulangan, aras 1. Selain itu, bilik ini juga digunakan untuk tujuan rasmi seperti lawatan dari institusi luar dan sebagainya.

**Meja Karel Berkunci**
Terdapat lapan (8) meja karel berkunci khas untuk pelajar pascasiswazah yang terletak di aras 2 dantiada yuran dikenakan. Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan kakitangan di Kaunter Pinjaman& Pemulangan, aras 1.



# PERPUSTAKAAN DR. ABDUL LATIF

**PENGENALAN**

Perpustakaan Dr. Abdul Latiff UKM (PDAL) ditubuhkan pada tahun 1974 untuk memberi perkhidmatan bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Fakulti Sains Kesihatan (1991) dan Fakulti Pergigian (1996) serta Fakulti Farmasi (2008). Perpustakaan ini dikenali dengan nama Perpustakaan Perubatan sejak ia mula ditubuhkan dan mulai 25 November 2005, perpustakaan ini secara rasminya telah bertukar nama kepada Perpustakaan Dr. Abdul Latiff.

Objektif penubuhannya adalah untuk membina koleksi bahan-bahan serta memberi perkhidmatan maklumat dalam bidang perubatan, sains kesihatan, pergigian dan farmasi bersesuaian dengan tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UKM Kampus Kuala Lumpur. Bangunan 3 tingkat PDAL dengan keluasan 3,716 meter persegi menyediakan kira-kira 420 ruang membaca.

**WAKTU PEMBUKAAN**

| | |
|---|---|
| Isnin – Jumaat<br>Sabtu & Ahad | 7.30 pagi – 6.00 petang<br>**TUTUP** |

*Perpustakaan akan ditutup pada Hari Kelepasan Am Wilayah Persekutuan dan Malaysia.*

**KEAHLIAN PERPUSTAKAAN**

Terbahagi kepada dua kategori iaitu :

- Keahlian pelajar dan kakitangan UKM
- Keahlian luar Perpustakaan UKM

**KEAHLIAN PELAJAR DAN KAKITANGAN UKM**

<table>
<tr><th rowspan="3">Bil</th><th rowspan="3">Kategori</th><th colspan="2">Yuran Tahunan (RM)</th></tr>
<tr><th colspan="2">SEPENUH MASA</th></tr>
<tr><th>RUJUKAN</th><th>PINJAMAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Pelajar Prasiswazah (Warganegara)</td><td>PERCUMA</td><td>50.00</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pelajar Prasiswazah (Bukan Warganegara)</td><td>PERCUMA</td><td>70.00</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Pelajar Pascasiswazah (Sarjana & Phd) (Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan</td><td>PERCUMA</td><td>150.00<br>75.00 (SEPARUH MASA)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Pelajar Pascasiswah (Sarjana & Phd) (Bukan Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan</td><td>PERCUMA</td><td>200.00<br>100.00 (SEPARUH MASA)</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Ahli Akademik (termasuk Ahli Akademik Kontrak)</td><td>PERCUMA</td><td>50.00 – 70.00</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Ahli Akademik/ Tutor/ Felo* (Sambilan/ Pelawat)</td><td>PERCUMA</td><td>75.00 – 200.00</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Pegawai Universiti</td><td>PERCUMA</td><td>PERCUMA</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Kakitangan Sokongan</td><td>PERCUMA</td><td>PERCUMA</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Permata Pintar</td><td>PERCUMA</td><td>PERCUMA</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Asasi Pintar</td><td>PERCUMA</td><td>100.00</td></tr>
</table>

** Mesti sertakan surat pengesahan/ lantikan Universiti/ Jabatan*

## KEAHLIAN LUAR PERPUSTAKAAN

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | | Kemudahan |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 1. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam/ Swasta* (Ahli PERPUN) | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 2. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT/ Swasta * (bukan Ahli PERPUN) | 100.00 | 200.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 3. | Pelajar Luar Negara* | 200.00 | 400.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 4. | Kakitangan Kerajaan* | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 5. | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | 2,000.00 | 4,000.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 6. | Pesara UKM | PERCUMA | PERCUMA | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 7. | Keahlian Kehormat – Sumbangan RM6,000.00 (staf UKM) atau sumbangan RM10,000.00 (pihak luar) atau sumbangan 500 naskah buku | PERCUMA | PERCUMA | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 25 buah buku (60 hari) |
| 8. | ALUMNI | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 9. | Orang Perseorangan | 200.00 | 400.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 10. | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | PERCUMA | 10.00 | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | | Kemudahan |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 11. | Ahli Harian | RM20.00 | Tidak ditawarkan | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital. |
| 12. | Pelajar Sekolah Menengah | Membawa surat kebenaran daripada pihak sekolah | Tidak ditawarkan | ▪ Rujukan Koleksi Am, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di makmal digital. |

**Sila bawa kad matrik/surat pengesahan/pengenalan diri daripada Perpustakaan/Jabatan/Institusi masing-masing.*

## PENDAFTARAN KEAHLIAN

1. Keahlian terbuka kepada semua pelajar dan kakitangan UKM berdaftar.
2. Individu luar yang berminat juga boleh mendaftar sebagai ahli dan dikenakan bayaran yuran tahunan.
3. Pendaftaran boleh dibuat di Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Aras 2 Perpustakaan Dr. Abdul Latiff.
4. Pelanggan boleh meminjam di semua perpustakaan cabang dengan hanya sekali pendaftaran sahaja

## PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

### Pinjaman dan Pemulangan

Semua ahli perpustakaan yang berdaftar (berdasarkan kategori) adalah layak untuk meminjam atau merujuk kepada bahan-bahan di perpustakaan serta menggunakan segala kemudahan yang terdapat di perpustakaan. Perkhidmatan ini membenarkan pelanggan meminjam bahan untuk satu jangka masa tertentu berdasarkan kelayakan kategori. Pelanggan diminta menunjukkan kad kampus/ ahli kepada kakitangan bertugas setiap kali ingin meminjam bahan atau ingin menggunakan kemudahan yang disediakan. Pelanggan adalah digalakkan menggunakan Mesin Pinjaman dan Pemulangan Layan Diri bagi urusan ini.

## KELAYAKAN PINJAMAN

### Pelajar dan Kakitangan UKM

| Bil | Kategori | Kemudahan Pinjaman / Had Pinjaman/ Masa | |
|---|---|---|---|
| | | Koleksi Am | Koleksi Tanda Merah (TM) |
| 1. | Pelajar Prasiswazah | 7 buah/ 14 hari | 1 buah/ 3 hari |
| 2. | Pelajar Pascasiswazah | 20 buah/ 40 hari | 1 buah/ 7 hari |
| 3. | Ahli Akademik (termasuk Ahli Akademik Kontrak) | 25 buah/ 60 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 4. | Ahli Akademik/ Tutor/ Felo (Sambilan/ Pelawat) | 10 buah/ 30 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 5. | Pegawai Universiti | 25 buah/ 60 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 6. | Kakitangan Sokongan | 5 buah/ 14 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 7. | Pelajar Prasiswazah dari Pusat Kembangan | 5 buah/ 30 hari | 1 buah/ 3 hari |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Pendidikan | | |
| 8. | Pelajar Pascasiswazah dari Pusat Kembangan Pendidikan | 15 buah/ 30 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 9. | Keahlian Kehormat – sumbangan RM6,000.00 (staf UKM) atau sumbangan RM10,000.00 (pihak luar) atau sumbangan 500 naskah buku | 25 buah/ 60 hari | 1 buah/ 14 hari |
| 10. | Permata Pintar | 3 buah/ 14 hari | 1 buah/ 3 hari |
| 12. | Asasi Pintar | 5 buah/14 hari | 1 buah/ 3 hari |

**Ahli Luar Perpustakaan UKM**

| Bil | Kategori | Kemudahan Pinjaman / Had Pinjaman/ Masa | |
|---|---|---|---|
| | | **Koleksi Am** | **Koleksi Tanda Merah (TM)** |
| 1. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 2. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Swasta | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 3. | Pelajar Luar Negara | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 4. | Kakitangan Kerajaan | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 5. | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 6. | Orang Perseorangan | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 7. | Pesara UKM | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 8. | ALUMNI UKM | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 9. | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | 2 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |

*Nota : Pelajar Sekolah Menengah dibenarkan masuk ke perpustakaan dengan membawa surat kebenaran daripada pihak sekolah.*

**Pembaharuan Pinjaman Secara Dalam Talian**

Pelanggan boleh memperbaharui pinjaman dalam talian melalui GEMILANG dengan syarat seperti berikut:

- Pembaharuan hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh pinjaman.
- Had maksima yang dibenarkan untuk memperbaharui pinjaman secara dalam talian ialah sebanyak tiga (3) kali.
- Tidak mempunyai denda yang belum dibayar.
- Tiada buku yang tamat tempoh dalam rekod pinjaman.
- Bahan tidak ditempah oleh pelanggan lain.

**Tempahan Bahan**

Tempahan buku yang sedang dipinjam dan mempunyai status lokasi di PDAL boleh dibuat melalui GEMILANG (**http://gemilang.ukm.my)** manakala buku yang mempunyai status perpustakaan lain seperti PTSL dan cabang-cabang lain hendaklah dibuat melalui iQuest (http://www.iquest.net.my). Penempah hendaklah menyemak rekod

pelanggan dari masa ke semasa untuk mengetahui status bahan yang ditempah. Jika status bahan "*pending*" telah bertukar ke "*pickup*", bahan tersebut boleh di ambil di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Aras 4. Selepas buku dipulangkan oleh peminjam, penempah diberi tempoh tujuh (7) hari untuk mengambil bahan tersebut bagi tujuan pinjaman.

**Denda Lewat Memulangkan Buku**
Kadar denda bagi sebuah buku adalah seperti berikut:

- Koleksi Am 0.30 sen sehari
- Koleksi Tanda Merah RM3.00 sehari
  *Denda yang dikira tidak termasuk hari cuti (perpustakaan ditutup)*

**Denda Menghilangkan Buku**
Denda akan dikenakan seperti berikut:

- Menggantikan buku yang sama atau edisi/tahun terbaru berserta wang proses RM100 bagi setiap naskhah buku **ATAU** menggantikan buku yang sama subjek dan wang proses RM100 **ATAU** membayar harga buku berkenaan (harga semasa) dan wang proses RM100.

**Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) / Sistem Pembekalan Penerbitan**
Perkhidmatan ini disediakan kepada semua pelanggan perpustakaan di Kampus UKM KL. Perkhidmatan ini menawarkan pinjaman bahan dan mendapatkan artikel daripada perpustakaan lain bagi bahan yang tidak terdapat di Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui sistem iQuest ***(http://www.iquest.net.my)***

**Perkhidmatan Pencarian Maklumat Elektronik**
Pencarian maklumat elektronik disediakan di Perpustakaan Dr. Abdul Latiff melalui perkhidmatan berikut:

**Katalog Awam Dalam Talian**
Katalog Awam Dalam Talian (OPAC) yang dikenali sebagai GEMILANG disediakan bagi memudahkan pelanggan mengesan bahan yang terdapat di dalam perpustakaan. Ianya mengandungi rekod asas yang memberi maklumat lengkap bahan perpustakaan dan membolehkan sesebuah bahan itu diperolehi dengan cepat. Ianya boleh dicapai dengan melayari tapak web **http://gemilang.ukm.my**. Komputer untuk mencapai GEMILANG disediakan di aras 2 perpustakaan. Pelanggan perlu mencatat nombor panggilan bahan dengan tepat untuk memudahkan pencarian buku di rak.

**Tempahan Bahan**
Tempahan buku yang sedang dipinjam dan mempunyai status lokasi di PDAL boleh dibuat melalui GEMILANG (**http://gemilang.ukm.my)** manakala buku yang mempunyai status perpustakaan lain seperti PTSL dan cabang-cabang lain hendaklah dibuat melalui iQuest (http://www.iquest.net.my). Pembatalan terhadap tempahan juga boleh dibuat melalui kaedah yang sama. Selepas buku dipulangkan oleh peminjam, penempah bahan diberi tujuh (7) hari untuk mengambil buku tersebut di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan di Aras 2, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff.

**Pembaharuan Pinjaman Secara Dalam Talian**
Pelanggan juga boleh memperbaharui pinjaman mereka dengan menggunakan GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan belum lewat, bahan tidak ditempah oleh pelanggan lain dan tidak mempunyai denda yang belum berbayar. Pembaharuan hanya boleh dilakukan tiga (3) kali sahaja dan hendaklah dibuat sebelum tarikh pulang buku yang berkaitan.

**Pangkalan Data Dalam Talian**

Pelanggan PDAL boleh menggunakan perkhidmatan ini melalu 3 kaedah seperti dibawah:

- **Portal e-Journal** dengan menggunakan kata pengenalan dan kata laluan yang sama seperti Gemilang (http://www.ezplib.ukm.my)

- Pangkalan data e-jurnal tanpa menggunakan kata pengenalan dan kata laluan boleh diakses dalam UKM sahaja (http://www.ukm.my/pdal/portal/menu.htm)

- **Portal Perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz** dengan menggunakan kata pengenalan dan kata laluan (http://lib.hukm.ukm.my/)

**Portal e-Jurnal**
Portal e-Jurnal adalah satu kemudahan (Ezproxy) untuk mengakses pangkalan data dalam talian atau jurnal elektronik langganan perpustakaan di dalam dan di luar rangkaian UKM. Pengaksesan Portal e-Jurnal boleh dilakukan melalui **http://www.ezlib.ukm.my**. Pelajar dan kakitangan UKM perlu mendaftar dengan sistem perpustakaan untuk mengakses Portal e-Jurnal.

Pengaksesan boleh dilakukan selepas rekod perpustakaan pelanggan diaktifkan. Pelanggan perlu menaip kata pengenalan (*user ID*) dan kata laluan (*password*) di muka hadapan Portal e-Jurnal. Kata pengenalan dan kata laluan ini juga digunakan oleh pelanggan untuk mengakses GEMILANG (Katalog Awam Perpustakaan) dan perkhidmatan pinjaman layan diri.

**Portal Perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz**
Perkhidmatan ini terbuka kepada pelanggan yang berdaftar. Ianya memberi kemudahan kepada para pelanggan untuk mendapatkan maklumat dalam bidang perubatan, farmasi, pergigian dan sains kesihatan yang terkini secara dalam talian. Pelanggan boleh melayari Portal Perpustakaan PPUKM di alamat **http://lib.hukm.ukm.my** dan mendaftar sebagai ahli portal untuk menggunakan portal tersebut.

**Kursus Kemahiran Maklumat**
Kursus Kemahiran Maklumat disediakan di perpustakaan untuk membina kemahiran mengakses bahan dan maklumat secara berkesan bagi keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Kursus ini disediakan secara berjadual dan atas permintaan pelanggan.

**Perkhidmatan Pakej Maklumat**
Perkhidmatan Pakej Maklumat merupakan permohonan untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu bidang/tajuk daripada pelbagai sumber maklumat sama ada bercetak, media atau elektronik. Perkhidmatan pencarian maklumat ini diberi secara percuma kepada ahli akademik UKM, pegawai pengurusan UKM dan juga pelajar pascasiswazah UKM. Pemohon perlu mengisi Borang Perkhidmatan Pakej Maklumat yang boleh didapati dari Pustakawan Unit Perkhidmatan Pelanggan, PDAL atau menghantar permohonan menerusi e-mel. Pemohon akan dihubungi melalui telefon, SMS atau e-mel untuk mendapat penjelasan lanjut atau semasa serahan bahan.

**Perkhidmatan *Pay Per View***
Perkhidmatan ini disediakan untuk memperolehi artikel jurnal daripada beberapa pengumpul data atau penerbit yang tidak dilanggan oleh perpustakaan. Perkhidmatan ini adalah percuma. Permohonan adalah menggunakan sistem iQuest (http://www.iquest.net.my)

**Pameran Buku Baharu**
Buku baharu yang diperolehi oleh perpustakaan akan dipamerkan selama satu (1) bulan dan pelanggan boleh meminjam buku-buku tersebut. Tujuan pameran ini adalah untuk mempromosi buku baharu kepada pelanggan perpustakaan.

**Pameran Berkala**
Perpustakaan menyediakan pameran berkala dengan tajuk berkaitan dengan bidang sains kesihatan, pergigian dan farmasi sebanyak empat (4) kali setahun.

**Perkhidmatan Media**
Semua pelanggan yang berdaftar sebagai ahli perpustakaan layak mengunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Koleksi Media, Aras 2. Pelanggan boleh merujuk bahan di koleksi ini. Pinjaman keluar perpustakaan hanya dibenarkan untuk pelanggan UKM sahaja. Permohonan pinjaman boleh dilakukan di kaunter pinjaman dan pemulangan PDAL. Kelayakan pinjaman adalah seperti berikut:

**Pinjaman Keluar Perpustakaan**

| Bil | Kategori | Jumlah Bahan | Tempoh Pinjaman |
|---|---|---|---|
| 1 | Pelajar Prasiswazah | 5 | 7 hari |
| 2 | Pelajar Pascasiswazah | 5 | 7 hari |
| 3 | Kakitangan Sokongan | 5 | 7 hari |
| 4 | Ahli Akademik | 5 | 10 hari |
| 5 | Pegawai Universiti | 5 | 10 hari |

**Pinjaman Dalam Perpustakaan**

| Bil | Kategori | Jumlah Bahan | Tempoh Pinjaman |
|---|---|---|---|
| 1 | Semua Kategori | 1 | 3 jam atau bergantung kepada durasi masa bahan |

**Facebook Perpustakaan**
Perpustakaan mempunyai laman sosial facebook di bawah nama Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Pelanggan boleh memberikan komen atau cadangan untuk penambahbaikan perpustakaan di masa akan datang selain pertanyaan berkenaan perkhidmatan perpustakaan.

**Laman Web Perpustakaan**
Laman web perpustakaan menghubungkan pelanggan dengan dunia informasi di internet. Ia juga memberikan maklumat terbaharu tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di PDAL. Laman web PDAL boleh dicapai melalui url www.ukm.my/pdal/.

**KOLEKSI PERPUSTAKAAN**

**Koleksi Am**
Koleksi am merupakan koleksi akses terbuka yang terdiri daripada buku-buku rujukan dalam bidang sains kesihatan, pergigian dan farmasi di samping buku-buku dalam bidang perkara umum seperti agama, teknologi maklumat dan sebagainya. Bahan-bahan dalam koleksi ini boleh dipinjam oleh ahli perpustakaan berdasarkan kelayakan kategori masing-masing.

**Koleksi Bacaan Ringan**
Koleksi ini ditempatkan di Aras 2 mengandungi bahan bacaan ringan, umum dan popular yang sesuai dibaca oleh semua golongan atau peringkat umur. Buku-buku di koleksi ini boleh dipinjam seperti buku-buku di Koleksi Am.

**Koleksi Buku Teks**
Koleksi ini mengandungi buku-buku teks dalam bidang sains kesihatan, pergigian dan farmasi yang sering dirujuk oleh pelajar. Buku-buku ini boleh dipinjam oleh ahli perpustakaan seperti buku-buku di Koleksi Am.

**Koleksi Jurnal**
Koleksi ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu jurnal kebelakangan dan jurnal kini. Koleksi ini mengandungi jurnal-jurnal dalam bidang sains kesihatan, pergigian, farmasi serta berkaitan. Jurnal kebelakangan adalah jurnal yang telah lengkap isunya dan dijilid mengikut isu dan tahun terbitannya. Manakala jurnal kini pula adalah jurnal isu terkini atau jurnal yang masih belum lengkap isunya untuk dijilid. Jurnal kebelakangan dan jurnal kini ditempatkan di Aras 1. Koleksi jurnal popular terkini pula diletakkan di ruang Koleksi Bacaan Ringan di Aras 2 perpustakaan. Bahan-bahan ini TIDAK boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di dalam perpustakaan sahaja.

**Koleksi Khas, Arkib dan Dokumen**
Koleksi ini terdiri daripada bahan dokumen yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia dan agensi-agensi di bawahnya, kerajaan tempatan, badan berkanun dan bahan terbitan luar negara. Koleksi ini juga menempatkan bahan-bahan mengenai sejarah dan perkembangan UKM termasuk karya-karya ahli akademik. Ianya juga mengandungi laporan tahunan dan risalah. Bahan di Koleksi Khas, Arkib dan Dokumen **TIDAK** boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di dalam perpustakaan sahaja.

**Koleksi Latihan Ilmiah**
Koleksi ini ditempatkan di Aras 3. Bahan ini boleh dipinjam untuk rujukan sepanjang sehari waktu operasi perpustakaan. Permohonan penggunaan bahan latihan ilmiah boleh dilakukan di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan.

**Koleksi Media**
Koleksi ini menempatkan bahan media berbentuk CD dan ditempatkan di Aras 2 didalam ruang yang sama dengan koleksi Khas, Arkib dan Dokumen. Pelanggan boleh merujuk bahan di koleksi ini. Pinjaman keluar perpustakaan hanya dibenarkan untuk pelanggan UKM sahaja. Permohonan pinjaman boleh dilakukan di kaunter pinjaman dan pemulangan PDAL.

**Koleksi Buku Kebelakangan**
Koleksi ini menempatkan buku-buku yang telah lama tidak dipinjam oleh pelanggan perpustakaan. Buku-buku ini diletakkan di bilik khas. Pelanggan yang ingin merujuk/meminjam buku ini perlu memohon di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan. Buku-buku di koleksi ini boleh dipinjam seperti buku Koleksi Am.

**Koleksi Rujukan**
Koleksi ini mengandungi awalan 'Ruj' pada nombor panggilan buku dan ditempatkan di Aras 3, Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Koleksi ini mengandungi bahan-bahan rujukan seperti kamus, istilah, ensiklopedia dan sebagainya. Bahan-bahan ini **TIDAK** boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan dalam perpustakaan sahaja.

**Koleksi Tanda Merah**
Koleksi ini ditempatkan di bilik yang terletak di belakang Kaunter Pinjaman dan Pemulangan di Aras 2. Koleksi ini mengandungi bahan-bahan yang disyorkan oleh pensyarah untuk rujukan pelajar. Bahan dari koleksi ini boleh dipinjam mengikut kategori pelanggan perpustakaan. Denda lewat bagi bahan kategori ini adalah sebanyak RM3.00 sehari. Pembaharuan pinjaman dibenarkan sekiranya tiada tempahan oleh pelanggan lain.

**Koleksi Tesis**
Koleksi ini ditempatkan di bilik yang terletak di belakang Kaunter Pinjaman dan Pemulangan di Aras 2. Tesis TIDAK boleh dipinjam dan **TIDAK** boleh difotokopi. Rujukan tesis hanya di dalam perpustakaan sahaja. Pelanggan perlu mendaftar terlebih dahulu di kaunter sebelum merujuk tesis.

## KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

**Bilik Diskusi**
Terdapat Lima (5) buah bilik diskusi yang disediakan iaitu empat (4) buah di Aras 2, dan satu (1) buah di Aras 1. Penggunaan Bilik Perbincangan adalah percuma. Pengguna boleh menempah bilik perbincangan melalui Sistem Tempahan Bilik Diskusi di url http://drbs.ukm.my dan mendapatkan kunci di kaunter Pinjaman dan Pemulangan Aras 2, PDAL.

**Bilik Karel**
Terdapat enam belas (16) buah bilik karel disediakan di Aras 1. Pengguna boleh berurusan di kaunter Unit Perkhidmatan Pelanggan, Aras 2 bagi mendapatkan kunci untuk menggunakan bilik karel.

**Bilik Latihan**
Bilik latihan PDAL terletak di Aras 2. Boleh memuat kapasiti 25 orang pada satu masa dan sesuai untuk kegiatan seperti seminar, latihan, kursus mahupun untuk tujuan pengajaran. Pengguna boleh menyemak dan menempah Bilik Latihan dengan menghubungi pegawai bertanggungjawab di talian 03-92897587.

**Bilik Seminar**
Bilik Seminar PDAL terletak di Aras 3. Boleh memuat kapasiti 100 orang pada satu masa dan sesuai untuk kegiatan seperti seminar, latihan, kursus mahupun untuk tujuan pengajaran. Pengguna boleh menyemak dan menempah Bilik Seminar melalui Sistem Tempahan Bilik di url http://10.150.140.30/booked/Web/view-schedule.php atau menghubungi pegawai bertanggungjawab di talian 03-92897587

**Bilik Serbaguna**
Terdapat satu (1) buah Bilik Serbaguna yang terletak di Aras 3 dengan kapasiti 20 orang pada satu masa. Kebiasaanya digunakan oleh pelajar untuk menelaah pelajaran tetapi boleh juga digunakan untuk aktiviti lain yang bersesuaian seperti perbincangan berkumpulan.

**Kemudahan WiFi**
Kemudahan WiFi disediakan di setiap aras perpustakaan bagi memudahkan pelanggan

**Lokar**
Lokar disediakan di Aras 2. Pengguna boleh memilih untuk sewa harian dengan kadar 0.50 sen sehari atau sewa bulanan dengan kadar sewa RM5.00 sebulan dan deposit RM15.00. Pendaftaran sewa bulanan boleh dilakukan di kaunter Pinjaman dan Pemulangan, Aras 2. Sekiranya berlaku kehilangan kunci lokar, pelanggan dikehendaki membayar RM50.00 untuk urusan penggantian dan deposit tidak akan dipulangkan.

**Makmal Digital dan Latihan**
Pelanggan boleh mengguna Makmal Digital untuk mencapai bahan dari internet termasuk pangkalan data dan membaca bahan media yang diperolehi oleh perpustakaan. Pelanggan boleh menggunakan kemudahan komputer yang disediakan di sini dengan percuma. Makmal dengan kapasiti 30 orang peserta ini turut digunakan bagi mengendalikan latihan Kursus Kemahiran Maklumat dan Pangkalan Data anjuran PDAL.

**Mesin Pinjaman Layan Diri**
Perpustakaan menyediakan mesin pinjaman layan diri untuk memudahkan pelanggan perpustakaan meminjam bahan secara layan diri tanpa perlu ke Kaunter Pinjaman dan Pemulangan.

**Ruang Bacaan**
Perpustakaan menyediakan ruang bacaan di semua aras yang boleh memuatkan 420 orang pelanggan dalam satu masa.

**Ruang 24**
Ruang yang disediakan kepada pelajar untuk tujuan menelaah pelajaran tanpa had masa. Pelajar dikehendaki merekodkan nama didalam buku yang disediakan di ruang tersebut.

**Surau**
Perpustakaan Dr. Abdul Latiff menyediakan surau lelaki dan surau perempuan yang terletak di Aras 1. Peralatan kelengkapan solat yang disediakan adalah minima dan pelanggan digalakkan membawa keperluan peralatan sendiri.

**Zon Senyap**
Ruang yang disediakan kepada yang memerlukan ruang senyap untuk membolehkan pelanggan memberi tumpuan kepada pembelajaran dan terletak di Aras 1 dan Aras 3.

**DIREKTORI ARAS PERPUSTAKAAN DR. ABDUL LATIFF**

| | |
|---|---|
| Aras 3 | Bilik Kesatuan Mahasiswa (KSM)<br>Bilik Seminar<br>Bilik Serbaguna<br>Koleksi Am<br>Koleksi Ilmiah<br>Koleksi Rujukan<br>Ruang/Meja Pengguna<br>WiFi |
| Aras 2 | Bilik Diskusi<br>Bilik Eksekutif<br>Bilik Latihan<br>Bilik Mesyuarat<br>Kaunter Perkhidmatan Pelanggan<br>Koleksi Bacaan Ringan<br>Koleksi Khas, Dokumen dan Arkib<br>Koleksi Media<br>Koleksi Tesis<br>Koleksi Tanda Merah<br>Makmal Digital<br>Mesin Pinjaman dan Pemulangan Layan Diri<br>Ruang Akhbar Harian<br>Ruang/Meja Pengguna<br>Ruang Santai<br>Ruang 24 jam<br>Unit Jurnal dan Jilidan<br>Unit Katalog<br>Unit Perolehan<br>Unit Pentadbiran Am<br>Unit Perkhidmatan Pelanggan<br>WiFi |
| Aras 1 | Surau lelaki dan Perempuan<br>Koleksi Jurnal<br>Koleksi Kebelakangan<br>Bilik Karel<br>Bilik Perbincangan<br>Perkhidmatan Fotokopi dan Cetakan<br>Ruang/Meja Pengguna<br>WiFi |



# PERPUSTAKAAN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

## PENGENALAN

Perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan UKM (PHCTM PPUKM) mula beroperasi pada 14 Julai 1997 selaras dengan penubuhan Pusat Perubatan UKM dengan matlamat untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Kampus Kesihatan serta menyokong keperluan maklumat para profesional perubatan dalam memberi rawatan kepada pesakit di Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan UKM. PHCTM PPUKM terletak di Aras 3, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Pusat Perubatan UKM, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur.

PHCTM PPUKM beriltizam untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada semua pelanggan iaitu kakitangan akademik, pelajar prasiswazah, pascasiswazah dan kakitangan kumpulan pengurusan dan pelaksana. Selain itu, Pustaka Maya Perubatan PPUKM yang dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia pada 11 Februari 2000, merupakan satu usaha perpustakaan untuk merealisasikan konsep "Perpustakaan Tanpa Sempadan". Perkhidmatan Pustaka Maya kini ditingkatkan menjadi sebuah portal yang membolehkan sumber maklumat dalam bidang perubatan dan sains kesihatan dicapai secara dalam talian serta diuruskan dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan. Portal perpustakaan ini boleh dicapai di alamat **http://lib.hukm.ukm.my**. Semua pelanggan iaitu kakitangan dan pelajar UKM perlu mendaftar secara dalam talian sebelum menggunakan perkhidmatan ini.

## WAKTU PEMBUKAAN

| | |
|---|---|
| Isnin – Jumaat | 8.00 pagi – 7.00 malam |
| Sabtu | 9.00 pagi – 2.00 petang |
| Ahad | **TUTUP** |

*Perpustakaan ditutup pada hari Sabtu minggu pertama dan pada hari kelepasan am Persekutuan/ Negeri. Waktu pembukaan ini juga adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan.*

## PERKHIDMATAN

### Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan

Kelayakan pinjaman bahan adalah berbeza mengikut kategori pelanggan seperti berikut :

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | | Kelayakan Pinjaman |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | Koleksi Am |
| 1 | Pelajar Prasiswazah/ Diploma | Percuma | 100.00 | 7 buah/ 14 hari |
| 2 | Pelajar Pascasiswazah/ Diploma Lanjutan | Percuma | 200.00 | 10 buah/ 30 hari |
| 3 | Ahli Akademik/ Pegawai Universiti | Percuma | Percuma | 25 buah/ 30 hari |
| 4 | Kakitangan Sokongan | Percuma | Percuma | 5 buah/ 14 hari |
| 5 | Akademik Sambilan/ Profesor Pelawat | Percuma | Percuma | 10 buah/ 30 hari |
| 6 | Pembantu Penyelidik | Percuma | Percuma | 2 buah/ 14 hari |
| 7 | Permata Pintar | Percuma | Percuma | 1 buah/ 14 hari |
| 8 | Asasi Pintar | Percuma | 100.00 | 1 buah/ 14 hari |

*Bahan yang dipinjam boleh diperbaharui sehingga tiga kali jika tiada pengguna lain yang menempah bahan tersebut. Denda pemulangan lewat : 30 sen sehari (Koleksi Am)*

**Keahlian Luar Perpustakaan**

| Bil | Kategori Ahli | Yuran Tahunan (RM) | | Kemudahan Pinjaman |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 1 | Ahli Akademik IPTA* | Percuma | 100.00 | 2 buah/ 14 hari |
| 2 | Pesara UKM | Percuma | Percuma | 2 buah/ 14 hari |
| 3 | Kakitangan Kerajaan | Percuma | 100.00 | 2 buah/ 14 hari |
| 4 | Pelajar IPTA* | Percuma | 100.00 | 2 buah/ 14 hari |
| 5 | Pelajar IPTS | 100.00 | 200.00 | 2 buah/ 14 hari |
| 6 | Ahli Perseorangan/ Ahli Luar | 200.00 | 400.00 | 2 buah/ 14 hari |
| 7 | Ahli Harian | 20.00/ hari | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |
| 8 | Alumni UKM | Percuma | 100.00 | 2 buah/ 14 hari |

**Sila bawa kad matrik/ surat sokongan/ pengesahan dari Perpustakaan/ Jabatan/ Institusi masing-masing.*

**Portal Perpustakaan HCTM (Pustaka Maya Perubatan)**




Portal Perpustakaan Pusat Perubatan UKM merupakan perkhidmatan yang disediakan oleh PHCTM untuk membolehkan sumber maklumat elektronik dalam bidang perubatan dan sains kesihatan dicapai secara dalam talian dengan lebih mudah dan cepat.

Ciri utama Portal Perpustakaan Pusat Perubatan UKM adalah akses yang menggunakan konsep "S*ingle Sign-On*" iaitu pelanggan boleh mendaftar dengan menentukan ID Pengguna dan kata laluan (*password*) mereka sendiri untuk mengakses pangkalan data langganan perpustakaan. Portal Perpustakaan Pusat Perubatan UKM boleh dicapai di alamat http://lib.hukm.ukm.my

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Portal Perpustakaan Perubatan UKM adalah :

1. Pautan kepada Katalog Awam Dalam Talian GEMILANG Web Gateway : **http://gemilang.ukm.my**

2. Permohonan perkhidmatan secara dalam talian (online) bagi perkhidmatan:
   a) Pinjaman Antara Perpustakaan
   b) Perkhidmatan Pembekalan Dokumen
   c) Cadangan Buku Baharu
   d) Maklumbalas i-Siber

3. Pencarian Maklumat Secara Dalam Talian bagi :
Pangkalan Data Langganan Perpustakaan (termasuk langganan PTSL) seperti :

**Pangkalan Data Teks Penuh:**

- Emerald Full Text
- Humana Press (Springer)
- Jaypeedigital
- Journal Citation Report
- Nature.com
- New England Journal of Medicine (NEJM)
- OVID

**Farmasi dan berkaitan**

- Micromedex

**E-books**

- Cambridge Book Online
- Future Science Group e-book
- IG Publishing e-book
- LWW OVID e-book
- Oxford Medicine Online e-book
- SAGE Reference Online Health Collection

**Maklumat Perubatan Klinikal**

- EB Medicine (Emergency Medicine Practice)
- UpToDate Anywhere

**Knowledge Portal Perpustakaan PHCTM PPUKM**







Perpustakaan HCTM PPUKM juga menyediakan perkhidmatan portal yang dinamakan *Knowledge Portal*. Ia memberikan kemudahan kepada pelanggan dalam pencarian koleksi digital antaranya artikel jurnal perubatan, buku, prosiding dan lain-lain penerbitan ahli akademik Fakulti Perubatan.

Antara matlamat dan fungsi *Knowledge Portal* adalah berperanan sebagai repositori institusi bagi penerbitan yang diterbitkan oleh pensyarah dan ahli akademik Fakulti Perubatan dalam bentuk elektronik antaranya artikel jurnal. Pelanggan boleh mengakses *Knowledge Portal* dengan memasukkan ID Pengguna dan kata laluan (*password*) kepada Portal Perpustakaan HCTM PPUKM ***(http://lib.hukm.ukm.my)***

**Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)**
Perkhidmatan ini disediakan kepada kakitangan akademik/ ikhtisas/ pentadbiran dan pelajar pascasiswazah. Melalui perkhidmatan ini, perpustakaan akan meminjam bahan yang tidak terdapat di PHCTM daripada perpustakaan lain sama ada di antara perpustakaan cabang di UKM ataupun daripada perpustakaan luar. Bagi perkhidmatan PAP, borang PAP disediakan dan perlu diisi dengan maklumat yang lengkap. Permohonan ini dilakukan secara dalam talian melalui Portal Perpustakaan HCTM PPUKM.

**Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)**
Perkhidmatan ini disediakan kepada kakitangan akademik/ ikhtisas/ pentadbiran dan pelajar pascasiswazah. Melalui perkhidmatan SPP pula, pihak Perpustakaan akan mendapatkan artikel daripada perpustakaan lain sama ada dari dalam atau luar negara. Pemohon perlu melengkapkan butiran maklumat artikel yang ingin dipohon. Permohonan untuk pembekalan penerbitan ini juga boleh dilakukan secara dalam talian melalui Portal Perpustakaan HCTM PPUKM.

**Kursus Kemahiran Maklumat**
Kursus Kemahiran Maklumat disediakan di perpustakaan untuk membina kemahiran mengakses bahan dan maklumat secara berkesan bagi keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Kursus ini disediakan secara berjadual dan atas permintaan pelanggan.

**Perkhidmatan Pakej Maklumat**
Merupakan permohonan untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu bidang/ tajuk berkaitan perubatan daripada pelbagai sumber maklumat sama ada bercetak, media atau elektronik.

**Perkhidmatan '*Pay Per View*'**
Menyediakan perkhidmatan pembekalan artikel jurnal yang tidak dilanggan oleh perpustakan. Perkhidmatan ini adalah percuma. Permohonan adalah menggunakan sistem iQuest (***http://www.iquest.net.my***)

**Pameran Buku Baharu**
Buku baharu yang diperolehi oleh perpustakaan akan dipamerkan dan pelanggan boleh meminjam buku-buku tersebut. Tujuan pameran ini adalah untuk mempromosi buku baharu kepada pelanggan perpustakaan.

**Perkhidmatan Penghantaran Buku *"Door to Door"***
Perkhidmatan ini hanya untuk ahli akademik atau pensyarah di Pusat Perubatan UKM sahaja. Perkhidmatan penyerahan buku terus ke bilik setelah mendapat permohonan daripadan pensyarah melalui borang dalam talian di Portal Perpustakaan HCTM PPUKM.

**KEMUDAHAN**

**Mesin Pinjaman Layan Diri**
Mesin Pinjaman Layan Diri adalah perkhidmatan yang disediakan oleh PHCTM PPUKM untuk memudahkan pelanggan perpustakaan meminjam bahan secara layan diri tanpa melalui kaunter pinjaman.

**Mesin Pemulangan Layan Diri**
Pelanggan perpustakaan boleh memulangkan bahan yang dipinjam melalui mesin pemulangan layan diri yang ditempatkan di Ruang Baca 24 jam. Pelanggan boleh memulangkan bahan walaupun selepas perpustakaan ditutup dan resit akan dikeluarkan sebagai bukti pemulangan.

**Bilik Tayangan**
Bilik Tayangan yang boleh memuatkan 40 orang pada satu-satu masa boleh ditempah oleh pelanggan perpustakaan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

**Lokar**
Kemudahan ini disediakan kepada semua pelanggan perpustakaan. Pelanggan boleh menyewa lokar dengan kadar sewa RM5.00 sebulan bersama dengan RM15.00 sebagai deposit. Pelanggan akan dibekalkan kunci lokar yang perlu diserahkan kembali kepada pihak perpustakaan apabila ingin menamatkan sewaan dan menebus kembali wang deposit. Selain dari itu, terdapat kemudahan lokar yang boleh disewa secara harian dengan menggunakan wang syiling 50 sen .

**Perkhidmatan Fotokopi & Cetakan**
Merupakan kemudahan yang disediakan untuk membantu pelanggan mencetak artikel, nota dan sebagainya dengan bayaran sebanyak 0.20 sen bagi setiap muka surat (kertas perpustakaan) dan 10 sen setiap muka surat

bagi kertas sendiri. Kemudahan fotokopi, cetakan, imbasan dan jilidan disediakan oleh syarikat luar yang dilantik oleh Universiti.

**Kemudahan Internet**
Semua komputer di dalam perpustakaan disediakan dengan kemudahan internet. Perpustakaan juga mempunyai kemudahan WiFi. .

**Ruang Baca 24 jam**
Ruang Baca 24 jam yang terletak di hadapan pintu masuk perpustakaan dilengkapi dengan kemudahan WiFi dan pendingin hawa untuk keselesaan pelanggan untuk mengulangkaji dan perbincangan secara berkumpulan.

**Bilik Mesyuarat**
Bilik Mesyuarat Perpustakaan boleh digunakan untuk tujuan perbincangan dengan syarat perlu ditempah terlebih dahulu.

**Makmal Multimedia**
Makmal multimedia boleh memuatkan 26 orang pada satu-satu masa dan boleh ditempah oleh pelanggan perpustakaan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

**Pinjaman *Samsung Galaxy Tab***
Kemudahan pinjaman *Samsung Galaxy Tab* disediakan untuk pelanggan perpustakaan. Pelanggan boleh meminjam di Kaunter Perpustakaan dan penggunaan hanya terhad di dalam perpustakaan sahaja.

**KOLEKSI**

**Koleksi Am**
Koleksi akses terbuka ini terdiri daripada buku-buku dalam bidang perubatan dan berkaitan di samping buku-buku bidang perkara umum seperti pengurusan, teknologi maklumat, agama, bahasa dan kesusasteraan (termasuk fiksyen). Bahan-bahan dalam koleksi ini boleh dipinjam oleh pelanggan dengan kelayakan pinjaman berdasarkan kategori masing-masing.

**Koleksi Tesis**
Menempatkan tesis para pelajar Fakulti Perubatan. Bahan-bahan tersebut hanya untuk rujukan sahaja.

**Koleksi Rujukan**
Mengandungi bahan-bahan seperti kamus, ensaiklopedia dan buku panduan dalam bidang perubatan dan berkaitan termasuk juga bahan rujukan dalam bidang perkara umum. Bahan ini tidak boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di dalam perpustakaan.

**Koleksi Media**
Mengandungi bahan-bahan pandang dengar di dalam bentuk CD, DVD, video, slaid, kit dan kaset. Para pelanggan boleh menggunakan bahan-bahan ini di bilik tayangan. Pinjaman bahan ini terhad kepada kategori ahli tertentu sahaja.

**Koleksi Khas/Dokumen**
Koleksi ini terdiri daripada bahan dokumen terbitan badan-badan kerajaan dan badan antarabangsa seperti WHO dan sebagainya. Pelanggan boleh meminjam bahan koleksi ini.

**Koleksi Pilih Simpan**
Koleksi ini meliputi Koleksi Jurnal Kebelakangan dan buku-buku yang tidak dipinjam dalam tempoh tertentu. Bahan dalam koleksi ini boleh dipinjam oleh pelanggan dengan kelayakan pinjaman berdasarkan kategori masing-masing.



# PERPUSTAKAAN LINGKUNGAN KEDUA

## PENGENALAN

Perpustakaan Lingkungan Kedua telah ditubuhkan pada 2012 dan memulakan perkhidmatannya pada 9 September 2013. Perpustakaan ini menguruskan sumber maklumat dan menyediakan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti dalam bidang kejuruteraan, senibina, teknologi dan sains maklumat.

Perpustakaan yang terletak di Lingkungan Kedua UKM, berkongsi bangunan dengan Pusat Pengurusan Akademik, Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Kewangan Pelajar. Bangunan ini setinggi tujuh (7) aras dengan perpustakaan berada di Aras 2 hingga 5 dengan keluasan 4,042 meter persegi.

## WAKTU PEMBUKAAN

| | |
|---|---|
| **Semasa Semester** | |
| Isnin – Khamis | 8.00 pagi – 7.00 malam |
| Jumaat | 8:00 pagi – 12.15 tengah hari<br>2.45 petang – 7.00 malam |
| Sabtu, Ahad & Cuti Umum | **TUTUP** |
| **Cuti Semester** | |
| Isnin – Khamis | 8.00 pagi – 5.00 petang |
| Jumaat | 8.00 pagi – 12.15 tengah hari<br>2.45 petang – 5.00 petang |
| Sabtu, Ahad & Cuti Umum | **TUTUP** |

*Waktu pembukaan ini juga adalah tertakluk kepada perubahan semasa yang akan dimaklumkan*

## KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Pendaftaran keahlian boleh dibuat di kaunter Aras 2. Keahlian terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu :

- Pelajar dan kakitangan UKM
- Ahli Luar UKM

### Pelajar dan Kakitangan UKM

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | |
|---|---|---|---|
| | | SEPENUH MASA | |
| | | RUJUKAN | PINJAMAN |
| 1. | Pelajar Prasiswazah (Warganegara) | PERCUMA | 50.00 |
| 2. | Pelajar Prasiswazah (Bukan Warganegara) | PERCUMA | 70.00 |
| 3. | Pelajar Pascasiswazah (Sarjana & Phd) (Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan | PERCUMA | 150.00<br>75.00 (SEPARUH MASA) |
| 4. | Pelajar Pascasiswah (Sarjana & Phd) (Bukan Warganegara) termasuk dari Pusat Kembangan Pendidikan | PERCUMA | 200.00<br>100.00 (SEPARUH MASA) |
| 5. | Ahli Akademik (termasuk Ahli Akademik Kontrak) | PERCUMA | 50.00 – 70.00 |
| 6. | Ahli Akademik/ Tutor/ Felo* (Sambilan/ Pelawat) | PERCUMA | 75.00 – 200.00 |
| 7. | Pegawai Universiti | PERCUMA | PERCUMA |
| 8. | Kakitangan Sokongan | PERCUMA | PERCUMA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | Permata Pintar | PERCUMA | PERCUMA |
| 10. | Asasi Pintar | PERCUMA | 100.00 |

** Mesti sertakan surat pengesahan/ lantikan Universiti/ Jabatan*

**KEAHLIAN LUAR PERPUSTAKAAN**

| Bil | Kategori | Yuran Tahunan (RM) | | Kemudahan |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 1. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT Awam/ Swasta* (Ahli PERPUN) | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 2. | Ahli Akademik/ Pelajar IPT/ Swasta * (bukan Ahli PERPUN) | 100.00 | 200.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 3. | Pelajar Luar Negara* | 200.00 | 400.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 4. | Kakitangan Kerajaan* | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 5. | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | 2,000.00 | 4,000.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 6. | Pesara UKM | PERCUMA | PERCUMA | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 7. | Keahlian Kehormat – Sumbangan RM6,000.00 (staf UKM) atau sumbangan RM10,000.00 (pihak luar) atau sumbangan 500 naskah buku | PERCUMA | PERCUMA | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 25 buah buku (60 hari) |
| 8. | ALUMNI | PERCUMA | 100.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 9. | Orang Perseorangan | 200.00 | 400.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl.<br>▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| 10. | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | PERCUMA | 10.00 | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | ▪ Pinjaman buku Koleksi Am 2 buah buku (14 hari) |
| **Bil** | **Kategori** | **Yuran Tahunan (RM)** | | **Kemudahan** |
| | | **Rujukan** | **Pinjaman** | |
| 11. | Ahli Harian | RM20.00 | Tidak ditawarkan | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl. |
| 12. | Pelajar Sekolah Menengah | Membawa surat kebenaran daripada pihak sekolah | Tidak ditawarkan | ▪ Rujukan Koleksi Penyelidikan, Koleksi Media, Koleksi Jurnal dan menggunakan perkhidmatan di siber@ptsl. |

**Sila bawa kad matrik/surat pengesahan/pengenalan diri daripada perpustakaan/jabatan/institusi masing-masing.*

## PERKHIDMATAN

### Pinjaman dan Pemulangan Bahan

Semua pelanggan yang berdaftar adalah layak untuk menggunakan perkhidmatan ini. Kelayakan pinjaman adalah seperti berikut:

### Pelajar dan Kakitangan UKM

| Bil | Kategori | Kelayakan Pinjaman (Koleksi Am) |
|---|---|---|
| 1 | Pelajar Prasiswazah | 7 buah/ 14 hari |
| 2 | Pelajar Pascasiswazah | 20 buah/ 40 hari |
| 3 | Ahli Akademik (termasuk Kontrak/ Sementara) | 25 buah/ 60 hari |
| 4 | Ahli Akademik/ Tutor/ Felo (Sambilan/ Pelawat) | 10 buah/ 30 hari |
| 5 | Pegawai Universiti | 25 buah/ 60 hari |
| 6 | Kakitangan Sokongan | 5 buah/ 14 hari |
| 7 | Pelajar Prasiswazah dari Pusat Kembangan Pendidikan | 5 buah/ 30 hari |
| 8 | Pelajar Pascasiswazah dari Pusat Kembangan Pendidikan | 15 buah/ 30 hari |
| 9 | Permata Pintar | 3 buah/ 14 hari |
| 10 | Asasi Pintar | 5 buah/ 14 hari |

### Ahli Luar Perpustakaan UKM

| Bil | Kategori | Kelayakan Pinjaman (Koleksi Am) |
|---|---|---|
| 1. | Ahli Akademik/ Pelajar UA/ IPTS (Ahli PERPUN)* | 2 buah/ 14 hari |
| 2. | Ahli Akademik/ Pelajar UA/ IPTS (Bukan Ahli PERPUN)* | 2 buah/ 14 hari |
| 3. | Pelajar Luar Negara | 2 buah/ 14 hari |
| 4. | Kakitangan Kerajaan | 2 buah/ 14 hari |
| 5. | Ahli Korporat Institusi (10 orang) | 2 buah/ 14 hari |
| 6. | Pesara UKM | 2 buah/ 14 hari |
| 7. | Alumni UKM | 2 buah/ 14 hari |
| 8. | Orang Perseorangan | 2 buah/ 14 hari |
| 9. | Ahli Keluarga Kakitangan UKM | 2 buah/ 14 hari |
| 10. | Ahli Harian | Rujukan Sahaja |
| 11. | Pelajar Sekolah Menengah | Rujukan Sahaja |

Denda lewat memulangkan sebuah buku adalah 30 sen sehari. Denda yang dikira tidak termasuk hari cuti umum.

Denda menghilangkan buku adalah seperti berikut :

- Menggantikan buku yang sama atau edisi terbaharu berserta wang proses sebanyak RM 100.00 atau ;
- Menggantikan buku yang sama subjek dan wang proses sebanyak RM 100.00 atau;
- Membayar harga buku berkenaan (harga semasa) dan wang proses sebanyak RM 100.00

**Pembaharuan Pinjaman Secara Dalam Talian**
Pelanggan boleh memperbaharui pinjaman mereka melalui GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan belum tamat tempoh pinjaman, tidak ditempah oleh pelanggan lain dan tidak mempunyai denda yang belum dibayar. Pembaharuan melalui GEMILANG hanya boleh dilakukan tiga (3) kali sahaja dan hendaklah dibuat sebelum tarikh pemulangan.

**Tempahan Bahan**
Pelanggan boleh menempah bahan melalui GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan dipinjam oleh pelanggan lain. Pembatalan tempahan juga boleh dibuat melalui GEMILANG. Selepas buku dipulangkan oleh peminjam, penempah diberi tempoh tujuh (7) hari untuk mendapatkan buku tersebut di kaunter Aras 2.

**Katalog Awam Dalam Talian**
Katalog Awam Dalam Talian (OPAC) yang dikenali sebagai GEMILANG disediakan untuk kemudahan pelanggan mengesan bahan yang terdapat di perpustakaan. Ia boleh dicapai di ***http://gemilang.ukm.my***

**Sistem Pembekalan Penerbitan**
Perkhidmatan ini disediakan untuk kakitangan akademik/ ikhtisas/ pentadbiran, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah tahun akhir bagi mendapatkan bahan daripada perpustakaan lain kerana bahan tersebut tidak terdapat di Perpustakaan UKM. Bahan dalam negara adalah percuma dan bahan luar negara British Library pula dikenakan bayaran seperti berikut:

| Bil | Kategori | Bahan | Kuantiti | Bayaran (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Ahli Akademik | Artikel | 5 artikel pertama<br>Artikel ke-6 dan seterusnya | Percuma<br>RM10.00 |
| | | Buku | Satu (1) buah | RM20.00 |
| 2 | Pelajar Pascasiswazah/ Prasiswazah tahun akhir | Artikel | 3 artikel pertama<br>Artikel ke-4 dan seterusnya | Percuma<br>RM10.00 |
| | | Buku | Satu (1) buah | RM20.00 |

Permohonan hendaklah dibuat melalui *http://iquest.net.my/iquest/.*

**Pameran Buku Baharu**
Buku baharu yang diperolehi oleh perpustakaan akan dipamerkan di Aras 2 selama 1-2 bulan sebelum ditempatkan di Koleksi Am. Buku tersebut boleh dipinjam.

**Perkhidmatan Pay Per View**
Perkhidmatan ini disediakan untuk membekalkan artikel jurnal daripada beberapa pangkalan data yang tidak dilanggan oleh perpustakaan. Perkhidmatan ini secara percuma melalui sistem iQuest (*http://iquest.net.my/iquest/)*

## KOLEKSI

### Koleksi Am
Merupakan buku akses terbuka yang boleh dipinjam mengikut kategori pelanggan. Koleksi ini terdapat di Aras 4 dan 5.

### Koleksi Buku Folio
Merupakan buku bersaiz besar yang ditempatkan di Aras 4. Buku tersebut dikategorikan sebagai buku folio apabila mencapai ketinggian 35 cm dan lebarnya 25 cm.

### Koleksi Jurnal
Koleksi ini terdiri daripada jurnal kini dan jurnal kebelakangan. Jurnal kini adalah jurnal isu terkini atau jurnal yang masih belum lengkap isunya untuk dijilid. Jurnal kebelakangan pula ada jurnal yang lengkap isunya dan telah dijilid. Koleksi ini terdapat di Aras 3.

### Koleksi Rujukan
Terdiri daripada kamus, ensaiklopedia dan sebagainya yang terdapat di Aras 2. Buku ini tidak boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di perpustakaan sahaja.

### Koleksi Tesis
Terdiri daripada tesis pelajar sarjana dan doktor falsafah. Koleksi ini terdapat di Aras 2 berhampiran dengan kaunter. Koleksi ini tidak boleh dipinjam dan dibuat fotokopi. Tesis ini hanya boleh dirujuk di ruangan yang disediakan. Pelanggan perlu berurusan dengan kakitangan di kaunter Aras 2 sebelum merujuk tesis.

## KEMUDAHAN

### Auditorium
Auditorium yang terdapat di Aras 2 boleh memuatkan seramai 177 orang. Tempahan penggunaan auditorium oleh kakitangan adalah melalui Sistem Maklumat Pengurusan Ruang (SMPR) manakala bagi pelajar pula di kaunter Aras 2.

### Akhbar Harian
Perpustakaan melanggan enam (6) akhbar harian iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, The New Straits Times, The Star, Nanyang Siang Pau dan The Malaysia Nanban untuk rujukan dan bacaan ringan pelanggan di ruang baca Aras 2. Pelanggan hanya dibenarkan membaca di ruang berkenaan sahaja.

### Fotokopi
Perkhidmatan fotokopi secara layan diri yang dikendalikan oleh pihak swasta disediakan untuk kemudahan pelanggan membuat kopi. Pelanggan perlu membeli kad fotokopi di kaunter, Aras 2.

### Lokar
Kemudahan lokar berkunci secara harian (tanpa bayaran) dan sewa bulanan disediakan di hadapan pintu masuk utama perpustakaan di Aras 2. Sewa lokar sebulan ialah sebanyak RM5.00 dan wang cagaran sebanyak RM15.00. Wang cagaran akan dikembalikan setelah tamat penggunaan lokar. Permohonan untuk menggunakan kemudahan ini boleh dibuat di kaunter Aras 2.

### Makmal Latihan
Makmal latihan terdapat di Aras 2 dan boleh memuatkan 34 orang. Tempahan penggunaan makmal latihan oleh kakitangan adalah melalui Sistem Maklumat Pengurusan Ruang (SPMR) manakala bagi pelajar pula di kaunter Aras 2.

**Mesin Pemulangan Layan Diri**
Kemudahan mesin layan diri bagi pemulangan bahan disediakan di aras bawah, bangunan perpustakaan. Kemudahan ini disediakan bagi memudahkan pelanggan memulangkan bahan walaupun perkhidmatan perpustakaan telah ditutup.

**Mesin Pinjaman/ Pemulangan Layan Diri**
Kemudahan mesin layan diri bagi pinjaman/ pulangan bahan disediakan di Aras 2 berhampiran dengan kaunter. Kemudahan ini disediakan bagi pelanggan memulangkan buku tanpa perlu beratur di kaunter.

**Ruang Baca**
Ruang baca disediakan di semua aras untuk kemudahan pelanggan.

**Ruang Serbaguna**
Ruangan ini disediakan bertentangan dengan pintu keluar perpustakaan di Aras 2. Di ruangan ini juga disediakan *water dispenser* untuk kemudahan pelanggan.

**Ruang Santai**
Ruangan ini terdapat di Aras 2 dengan kemudahan permainan dalaman seperti catur dan sahibba serta televisyen turut disediakan.

**Ruang Perbincangan**
Ruangan ini terdapat di Aras 3 bagi membolehkan pelanggan berbincang di ruang yang terbuka.

**Wi-Fi**
Kawasan liputan wi-fi adalah di semua aras dan boleh diakses secara percuma.



# PERPUSTAKAAN PRAKLINIKAL

## PENGENALAN

Perpustakaan Praklinikal yang berkeluasan 10,000 kaki persegi ini terletak di Aras 3 dan 4 Bangunan Praklinikal, Pusat Perubatan UKM. Perpustakaan ini mula dibuka pada 3 November 2014, namun perkhidmatan peminjaman dan pemulangan hanya bermula pada 11 Februari 2015. Perpustakaan Praklinikal ditubuhkan khusus bagi memberi perkhidmatan maklumat dalam bidang praklinikal seperti Anatomi, Fisiologi, Parasitologi & Entomologi, Biokimia, Farmakologi, Mikrobiologi & Immunologi, Pendidikan Perubatan serta Kesihatan Masyarakat. Perpustakaan Praklinikal bermula dengan belanjawan awal sebanyak RM20,000, koleksi awalnya bermula dengan 805 naskhah bahan bercetak dan 16 naskah bahan media, koleksi ini pada asalnya merupakan sebahagian daripada koleksi milik Perpustakaan PPUKM sebanyak 435 naskah dan Perpustakaan Dr. Abdul Latiff sebanyak 370 naskah, koleksi awal ini mula dipindahkan ke Perpustakaan Praklinikal pada 9 Februari 2015.

## WAKTU PEMBUKAAN

| | |
|---|---|
| Isnin – Khamis | 8.30 pagi – 5.00 petang |
| Jumaat | 8.30 pagi – 12.15 tengahari<br>2.45 petang – 5.00 petang |
| Sabtu & Ahad | **TUTUP** |

## KELAYAKAN PINJAMAN

| Bil | Kategori | Kelayakan Pinjaman | |
|---|---|---|---|
| | | Koleksi Am | Bahan Media |
| 1 | Pelajar Prasiswazah/ Diploma | 7 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 2 | Pelajar Pascasiswazah/ Diploma Lanjutan | 10 buah/ 30 hari | 2 bahan/ 7 hari |
| 3 | Ahli Akademik/ Pegawai Universiti | 25 buah/ 30 hari | 2 bahan/ 7 hari |
| 4 | Akademik Sambilan/ Profesor Pelawat | 10 buku/ 30 hari | Tidak ditawarkan |
| 5 | Kakitangan Sokongan | 5 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 6 | Pembantu Penyelidik | 2 buku/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 7 | Permata Pintar | 1 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |
| 8 | Asasi Pintar | 1 buah/ 14 hari | Tidak ditawarkan |

Bahan yang dipinjam boleh diperbaharui sehingga tiga kali jika tiada pengguna lain yang menempah bahan tersebut. Denda pemulangan lewat adalah sebanyak 0.30 sen sehari bagi pinjaman Koleksi Am.

**KEAHLIAN LUAR PERPUSTAKAAN**

| Bil | Kategori Ahli | Yuran Tahunan (RM) | | Kemudahan Pinjaman |
|---|---|---|---|---|
| | | Rujukan | Pinjaman | |
| 1 | Ahli Akademik IPTA* | Percuma | 100.00 | 2 buku/ 14 hari |
| 2 | Pesara UKM | Percuma | Percuma | 2 buku/ 14 hari |
| 3 | Kakitangan Kerajaan | Percuma | 100.00 | 2 buku/ 14 hari |
| 4 | Pelajar IPTA* | Percuma | 100.00 | 2 buku/ 14 hari |
| 5 | Pelajar IPTS | 100.00 | 200.00 | 2 buku/ 14 hari |
| 6 | Ahli Perseorangan/ Ahli Luar | 200.00 | 400.00 | 2 buku/ 14 hari |
| 7 | Ahli Harian | 20/ hari | Tidak ditawarkan | Tidak ditawarkan |
| 8 | Alumni UKM | Percuma | 100.00 | 2 buku/ 14 hari |

**Sila bawa kad matrik/ surat sokongan/ pengesahan dari Perpustakaan/ Jabatan/ Institusi masing-masing.*

**PERKHIDMATAN**

**Pinjaman dan Pemulangan Bahan**
Semua pelanggan yang berdaftar adalah layak untuk menggunakan perkhidmatan ini.

**Pembaharuan Pinjaman Secara Atas Talian**
Pelanggan boleh memperbaharui pinjaman mereka melalui GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan belum tamat tempoh pinjaman, tidak ditempah oleh pelanggan lain dan tidak mempunyai denda yang belum di bayar.

**Tempahan Bahan**
Pelanggan boleh menempah bahan melalui GEMILANG dengan syarat bahan berkenaan dipinjam oleh pelanggan lain.

**Katalog Awam Dalam Talian**
Katalog Awam Dalam Talian (OPAC) yang dikenali sebagai GEMILANG disediakan untuk kemudahan pelanggan mengesan bahan yang terdapat di perpustakaan. Ia boleh dicapai di **http://gemilang.ukm.my**.

**Sistem Pembekalan Penerbitan/ Pinjaman Antara Perpustakaan**
Perkhidmatan ini disediakan untuk kakitangan akademik/ ikhtisas/ pentadbiran/ pelajar pascasiswazah dan prasiswazah tahun akhir bagi mendapatkan bahan/ artikel daripada perpustakaan luar kerana bahan/ artikel berkaitan tidak terdapat di Perpustakaan UKM.

**Pameran Buku Baharu**
Buku baharu yang diperolehi oleh perpustakaan akan dipamerkan selama 1-2 bulan di Aras 3 sebelum ditempatkan di Koleksi Am. Buku tersebut boleh dipinjam.

## KEMUDAHAN

### Bilik Perbincangan
Sebanyak 2 buah bilik perbincangan disediakan di Aras 4 dan sebuah bilik perbincangan di Aras 3 yang boleh memuatkan maksimum 6 orang dalam satu masa.

### Lokar
Perpustakaan menyediakan sebanyak 64 unit lokar berkunci untuk memudahkan pelanggan menyimpan barang. Kunci lokar boleh diperoleh di Kaunter Perkhidmatan Pinjaman dan Pemulangan.

### Ruang Baca
Menyediakan ruang baca di semua aras yang mempunyai lebih kurang 100 tempat membaca, termasuk ruang bacaan santai dan 24 jam.

### Kemudahan Internet
Setiap komputer di dalam perpustakaan disediakan dengan kemudahan internet.

### WiFi
Kawasan liputan wifi adalah di semua aras dan boleh di akses secara percuma.

### Makmal Komputer
Makmal yang terletak di Aras 4 ini boleh memuatkan 20 orang pengguna dalam satu masa.

### Perkhidmatan Cetakan
Kemudahan yang disediakan untuk membantu pelanggan mencetak artikel, nota dan sebagainya dengan bayaran RM0.20 sen bagi setiap mukasurat (kertas perpustakaan) dan RM0.10 (kertas sendiri)

### Akhbar Harian
Perpustakaan melanggan empat (4) akhbar harian utama iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, The Star dan The New Straits Times untuk rujukan dan bacaan ringan pelajar.

## KOLEKSI

### Koleksi Am
Koleksi asas terbuka ini terdiri daripada buku-buku dalam bidang perubatan dan berkaitan di samping buku-buku bidang perkara umum. Bahan-bahan dalam koleksi ini boleh dipinjam oleh pelanggan dengan kelayakan pinjaman berdasarkan kategori masing-masing.

### Koleksi Rujukan
Terdiri daripada kamus, ensaiklopedia dalam bidang perubatan dan berkaitan termasuk juga bahan rujukan dalam bidang perkara umum. Bahan ini tidak boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di dalam perpustakaan sahaja.

### Koleksi Tesis
Terdiri daripada tesis pelajar peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Bahan-bahan tersebut hanya untuk rujukan sahaja.

### Koleksi Terbitan Bersiri
Koleksi terbitan bersiri yang dilanggan termasuklah Wanita, I-Sihat, Maskulin, Rapi, Al-Islam, Dewan Masyarakat, Readers Digest, National Geography dan Time.

**DIREKTORI ARAS PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG**

| | |
|---|---|
| Aras 6 | Unit Perolehan<br>Unit Katalog<br>Unit Arkib & Koleksi Khas<br>Unit Komunikasi Korporat<br>Koleksi Khas<br>Koleksi Arkib UKM |
| Aras 5 | Unit Pentadbiran Am<br>Unit Kualiti & Perancangan Strategik<br>Unit Pengindeksan<br>Unit Asia Tenggara & Dokumen<br>Bahagian Teknologi Maklumat & Prasarana<br>Unit Risiko, Kelestarian, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan<br>Koleksi Am<br>Koleksi Tanda Merah<br>Koleksi Asia Tenggara<br>Koleksi Dokumen |
| Aras 4 | Unit Perkhidmatan Pelanggan<br>Unit Pendidikan Pelanggan<br>Unit Penyelidikan<br>Unit Arab & Tamadun Islam<br>Meja Penasihat Pembaca<br>Kaunter Perkhidmatan Pelanggan<br>Perkhidmatan Pinjaman Layan Diri<br>Perkhidmatan Pemulangan Layan Diri<br>Koleksi Haram<br>Koleksi Sudut Bacaan Ringan<br>Koleksi Rujukan<br>Koleksi Arab dan Tamadun Islam<br>siber@ptsl<br>Anjung Ilmu PTSL<br>Ruang Baca 24 Jam<br>Lokar<br>Ruang WiFi<br>Bilik Diskusi<br>Bilik Pelajar Istimewa |
| Aras 3 | Unit Jurnal<br>Unit Penjanaan Kewangan<br>Unit Pemeliharaan dan Pengiditan<br>Unit Pengurusan Sistem @ Perkhidmatan Web<br>Unit Penyelenggaraan ICT & Multimedia<br>Perkhidmatan Pemulangan Buku Layan Diri (24 jam)<br>Bilik Karel<br>Bilik Diskusi<br>Koleksi Jurnal<br>Mahkamah Moot<br>Ruang Akhbar Harian<br>Surau |

| | |
|---|---|
| Aras 2 | Unit Multimedia<br>Koleksi Media dan Koleksi Peta<br>Bilik Serbaguna<br>Bilik Seminar<br>Bilik Diskusi<br>Bilik Rehat Kakitangan<br>Koleksi Pilih Simpan |

**JAWATANKUASA PENERBITAN**
**BUKU PANDUAN PERPUSTAKAAN 2016-2017**

**Penasihat**
Encik Wan Suhaimi Ariffin
*Ketua Pustakawan UKM*

**Pengerusi**
Puan Azmah Ishak

**Setiausaha**
Encik Mohd Syamrooz Kamal Mhd Redza

**Ahli-ahli**
Encik Azlan Mohd Hamzah
Encik Abdul Muhaimin Sabron
Puan Liyana Jasman
Mohd Adnan Baharom
Puan Siti Wahida Amanullah
Puan Zaidah Sulaiman

**Jurureka**
Encik Mohd Farid Zainal Azman

Semua Ketua-ketua Unit